

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 71)**

NO. SOALAN : 1

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]

TARIKH JAWAPAN : 11 APRIL 2012 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan tindakan-tindakan Kementerian untuk membanteras penjualan alat penjimatan elektrik di pasar raya-pasar raya. Penjualan ini masih berleluasa dan ramai pengguna telah tertipu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Gajet yang dikenali sebagai ‘alat penjimatan tenaga’ atau ‘*Energy Saving Device (ESD)*’ dengan izin, sebenarnya tidak boleh menjimatkan tenaga atau bil elektrik pengguna

dengan ketara. Jika terdapat penjimatan, nilai penjimatannya adalah antara 1% - 3% sahaja, tidak seperti yang diiklankan oleh kebanyakan penjual, **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** antara 20% hingga 30% atau mungkin lebih dari itu.

Bagi mengelakkan pengguna terus terpedaya atau tertipu, Suruhanjaya Tenaga telah membuat pengiklanan (advertisorial) menerusi akhbar-akhbar utama bagi menjelaskan bagaimana kapasitor yang merupakan komponen asas gajet tersebut berfungsi.

Selain dari itu, Kerajaan menggalakkan kaedah penjimatan yang sebenar iaitu melalui amalan harian seperti tidak membiarkan alat-alat elektrik yang tidak digunakan sentiasa terpasang, menggunakan kelengkapan elektrik yang cekap tenaga (berlabel lima bintang) atau menggunakan pencahayaan dan pengudaraan semulajadi mengantikan lampu dan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN ingin supaya iaanya dapat memberi penjimatan kepada pengguna.

Langkah mengiklankan penjelasan berkaitan gajet ini menerusi akhbar-akhbar utama telah menghasilkan impak yang besar di kalangan pengguna yang kini lebih memahami kaedah penjimatan tenaga sebenar. Begitu juga pengusaha atau penjual produk ini semakin berkurangan berikutan pengiklanan dan penghebahan yang dibuat.

Dalam usaha untuk membentras penjualan ‘alat penjimatan tenaga’ ini, Suruhanjaya Tenaga telah berkerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDN KK) bagi mengambil tindakan perlu ke atas penjual-penjual gajet tersebut.

JAWAB LISAN

DARI PAD A

**DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH

11 APRIL 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bahawa Lenggong bakal terkenal sebagai Lembah Warisan Dunia. Apakah ada cadangan untuk meletakkan semula rangka asal "Perak Man" di Muzium Arkeologi Lenggong supaya menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke Lenggong.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini masih belum mempunyai perancangan untuk meletakkan semula rangka asal Manusia Perak (Perak Man) di Muzium Arkeologi Lenggong. Ini kerana bersesuaian dengan statusnya sebagai Warisan Kebangsaan, lokasi yang paling sesuai bagi Manusia Perak ini dipamerkan adalah di Muzium Negara yang menjadi tumpuan lawatan pengunjung dari dalam dan luar negara. Walau bagaimanapun rangka

SOALANNO: 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
asal Manusia Perak boleh diperbaangkan untuk dipamerkan di Muzium
Arkeologi Lenggong berdasarkan kepada keperluan.

PERTANYAAN

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO
(HULU RAJANG)

TARIKH 11.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan susulan berkenaan isu penggubahan bahasa pengantar untuk mata pelajaran Sains serta Matematik dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Apakah maklum balas daripada para pelajar serta guru yang terlibat, apakah masalah yang timbul akibat penggubahan ini dan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani masalah-masalah yang timbul akibat isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (p&p) Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik serta meningkatkan keupayaan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Surat Pekeliling Bil. 12/2011 telah menjelaskan pelaksanaan dasar MBMMBI. Pada prinsipnya, surat pekeliling ini masih mengekalkan keputusan dasar yang dibuat oleh Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009, iaitu mengekalkan kedaulatan bahasa kebangsaan dan memastikan p&p sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (BI)

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

dimansuhkan secara berperingkat-peringkat. Keputusan ini membolehkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang telah mengikuti p&p sains dan matematik dalam bahasa Inggeris pada atau sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan Lima berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah. Pada masa yang sama, peperiksaan Sains dan Matematik dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang telah pun dilaksanakan dalam dwibahasa akan diteruskan sehingga kohort ini selesai persekolahan mereka. Ini bertujuan untuk membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan peralihan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran tersebut. Ini juga untuk memastikan dasar baru ini dapat dilaksanakan dengan terancang serta meminimakan permasalahan p&p yang sedang berlangsung sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Dasar MBMMBI telah memasuki tahun kedua iaitu telah dilaksanakan untuk murid Tahun 1 dan Tahun 2 di sekolah rendah. Pada masa yang sama bahasa Malaysia telah digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah dan menengah.

Rjm 102
DARI PAD A

Y.B. DATO'MOHD JIDIN BIN SHAFEE
(SETIU)

TARIKH 11.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah yang mempunyai surau di seluruh negara dan

sejauh mana surau berkenaan diberikan perhatian oleh Kerajaan bagi memastikan institusi berkenaan terpelihara dan dipelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan pendidikan dan akses pendidikan termasuk surau sekolah yang menjadi faktor utama pembangunan modal insan yang berkualiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, surau sekolah telah disediakan dengan prasana yang sesuai seperti tempat wuduk, karpet, sejadah dan alat siaraya untuk kemudahan amali solat. Di samping itu, kemudahan dan peralatan tertentu seperti mushaf al Quran, bahan bacaan, bahan bantu pembelajaran dan makmal j-QAF juga disediakan. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan terus memastikan kewujudan surau di sekolah dan berfungsi dengan berkesan serta sentiasa dipelihara bagi memantapkan akidah dan akhlak mulia murid.

Berdasarkan data pada 31 Januari 2012, bilangan sekolah seluruh negara yang mempunyai surau ialah seperti berikut:

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

NEGERI	RENDAH	MENENGAH	JUMLAH
JOHOR	61	111	172
KEDAH	102	74	176
KELANTAN	96	54	150
MELAKA	14	35	49
NEGERI SEMBILAN	43	51	94
PAHANG	58	67	125
PERAK	55	59	114
PERLIS	14	8	22
PULAU PINANG	29	45	74
SABAH	38	45	83
SARAWAK	27	41	68
SELANGOR	88	98	186
TERENGGANU	67	46	113
WP KUALA LUMPUR	13	16	29
WP LABUAN	1	1	2
WP PUTRAJAYA	0	7	7
JUMLAH BESAR	706	758	1464

Rjm 103

DARIPADA

Y.B. DATO¹ SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED

(SEPANG)

TARIKH

11.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah yang menjalankan program Kantin 1Malaysia dan nyatakan langkah Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan lebih banyak kantin sekolah menjayakan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sekolah yang telah melaksanakan program kantin 1 Malaysia iaitu SK Kulai, Kg. Melayu, Kulai Jaya, Johor. Kantin tersebut adalah hasil usaha sama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kulai Jaya, pihak sekolah dan pengusaha kantin serta telah dilancarkan pada 9 Februari 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang meneliti pelaksanaan kantin 1 Malaysia di sekolah tersebut. Cadangan perluasan program kantin 1 Malaysia memerlukan kajian menyeluruh dan perlu mendapat pandangan pihak berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, pentadbir sekolah, pengusaha kantin sekolah dan ibu bapa..

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PAT AH)
TARIKH	11.04.2012

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) punca utama kekurangan guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menghantar lebih ramai guru yang berbangsa Cina di kelas Pendidikan Khas SJKC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli yang Berhormat, antara punca berlakunya kekurangan guru di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) ialah faktor kekurangan bekalan guru yang berkelayakan dalam bahasa Mandarin untuk mengajar di SJKC. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berusaha bersungguh-sungguh mengisi kekosongan guru di SJKC. KPM telah mengambil langkah yang sistematik bagi menyelesaikan masalah tersebut seperti kenyataan media YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia pada 5 April 2012.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Program Pendidikan Khas Integrasi di SJKC buat masa sekarang ini adalah sebanyak 58 buah

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

dengan bilangan guru seramai 190 orang. Perancangan untuk penambahan penempatan guru pendidikan khas bergantung kepada peluasan pembukaan kelas murid berkeperluan khas. Walau bagaimanapun, peluasan pembukaan kelas-kelas khas ini bergantung kepada permintaan setempat berdasarkan permohonan dan peningkatan bilangan murid di sekolah berkenaan. KPM juga akan memberi keutamaan kepada guru-guru pendidikan khas yang mempunyai kelayakan bahasa Mandarin untuk mengajar kelas pendidikan khas integrasi di SJKC.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI
(SILAM)**

TARIKH 11.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk mempertingkat kecemerlangan sekolah sukan di negara ini memandangkan pada masa ini hanya Sekolah Sukan Bukit Jalil sahaja yang dilihat lebih menyerlah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan sekolah yang sedia ada untuk melahirkan lebih ramai atlit yang dapat diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) & (b)

Dasar IMurid 1 Sukan yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani dan intelektual adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi tunggak penggubalan dasar pendidikan negara. Justeru, bagi menjayakan dasar tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan prasarana yang mencukupi dapat disediakan termasuklah menambah bilangan sekolah sukan di

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

negara ini. Sehingga kini terdapat dua buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) yang sedang beroperasi iaitu SSM Bukit Jalil dan SSM Tungku Mahkota Ismail (dahulunya dikenali sebagai SSM Bandar Penawar). KPM juga sedang merancang peluasan dan membina SSM di Perlis, Pahang dan Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga mempunyai lima belas (15) Sekolah Sukan Negeri (SSN) yang mana telah diklusterkan mengikut kecemerlangan bidang sukan mereka. Dengan erti kata lain, SSN menjadi *feeder school* kepada SSM. Ini untuk memastikan SSM akan sentiasa menerima masuk atlet murid yang matang dan sentiasa bersedia untuk bertanding di peringkat yang lebih tinggi di persada antarabangsa. Murid-murid sekolah ini dipilih melalui Program Mengenalpasti Bakat yang dilaksanakan bersama Sukan Institut Negara, Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Bagi atlit-atlit yang dikenalpasti mempunyai bakat dalam sukan tertentu, mereka dilatih oleh jurulatih yang berkelayakan dari dalam dan luar negeri.

Rjm 106
DARI PADA

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)

TARIKH **11.04.2012**

SOALAN:

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah dilindungi oleh insuran sekiranya ada nyatakan skim perlindungan insuran yang telah ditawarkan kepada para pelajar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM) mula dilaksanakan pada 4 Disember 1995. TPSM melindungi lebih 5 juta murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dengan bayaran sebanyak RM1.50 bagi seorang murid setahun. Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2006 bertarikh 30 Mei 2006 perlindungan ini diperluaskan kepada murid-murid prasekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan. Skim ini menyediakan perlindungan 24 jam sehari semalam dan meliputi seluruh dunia.

Skim TPSM ini melindungi kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh kemalangan luaran yang hebat dan tidak sengaja dengan cara yang boleh dilihat iaitu bebas daripada lain-lain sebab yang menyebabkan:

- i. Kematian berlaku dalam tempoh 12 bulan bersabit kecederaan tubuh badan akibat daripada kemalangan.
- ii. Lumpuh berkekalan seluruh badan akibat kemalangan.
- iii. Terpisah atau putus anggota dari badan atau kehilangan penglihatan akibat kemalangan seperti berikut:
 - tangan di atas pergelangan atau Kedua-dua belah
 - di atas buku lali atau Kedua-dua belah kaki
 - Kehilangan kekal penglihatan yang berkekalan kedua-dua belah mata, akibat kemalangan.
- iv. Khairat kematian, mati akibat sakit biasa.
- v. Elaun wang tunai hospital bagi setiap hari selama tempoh dimasukkan ke Hospital Kerajaan/Swasta disebabkan oleh kemalangan sehingga maksima 60 hari berturut-turut mulai daripada tarikh masuk wad.

Jadual Manfaat Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM):

Skop Perlindungan	Amaun Manfaat (RM)
nian akibat kemalangan	5,000.00
npuh berkekalan seluruh badan akibat kemalangan	15,000.00
<p>Terpisah atau putus anggota dari badan atau kehilangan penglihatan akibat kemalangan seperti berikut;</p> <p>Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan atau Kedua-dua belah kaki di atas buku lali atau</p> <p>Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata, akibat kemalangan.</p> <p>Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan atau penglihatan, maka amaun manfaatnya adalah sebanyak 50% daripada RM15,000.00</p>	15,000.00
Khairat kematian - mati akibat sakit biasa	1,000.00
Elaun tunai hospital bagi setiap hari selama tempoh dimasukkan Hospital Kerajaan/Swasta disebabkan oleh kemalangan dan tidak melebihi 60 hari berturut-turut dari tarikh masuk wad.	

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID (PENGERANG)
TARIKH	11.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG]
minta Menteri Pelajaran menyatakan bolehkah pihak Kementerian mengkaji semula berkenaan isu kenaikan pangkat golongan para guru agar guru-guru yang bertugas di kawasan yang terlibat dengan kekosongan dapat dipertimbangkan untuk mengisi jawatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai penjawat awam, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) juga adalah tertakluk kepada peraturan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan kepada semua skim di dalam perkhidmatan awam melalui pekeliling dari semasa ke semasa. Urusan kenaikan pangkat PPP dan kaedah pelaksanaannya di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 tahun 2007.

Bagi pengisian jawatan kenaikan pangkat, hanya calon-calon yang telah diluluskan pemangkuhan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) atau calon-calon yang telah berada di atas gred yang setara boleh mengisi jawatan tersebut. Cadangan pengisian akan dikemukakan oleh Ketua Jabatan iaitu Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri kepada Ketua

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) selaku Ketua Perkhidmatan untuk pertimbangan dan kelulusan. Pengisian jawatan yang dibuat adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan/Pertukaran di peringkat negeri masing-masing dengan menggunakan senarai calon yang layak sahaja. Dalam hal ini, guru-guru yang bertugas di kawasan yang terlibat dengan kosong turut dipertimbangkan oleh jawatankuasa tersebut.

Rjm 108

NO.SOALAN : 4

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

TARIKH 11 APRIL 2012

SOALAN:

YB Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini pelaksanaan Skim Saran Baru Perkhidmatan Awam (SBPA).

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 8 Mac 2012, Kerajaan telah mengumumkan bahawa SBPA dibatalkan dan sistem saraan akan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia dengan penambahbaikan-penambahbaikan tertentu. Satu Suruhanjaya akan ditubuhkan yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa bentuk Perkhidmatan Awam masa depan yang diperlukan negara. Suruhanjaya ini akan bekerja berasaskan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
 [KINABATANGAN]

TARIKH 11 APRIL 2012

SOALAN

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan Klinik Desa baru di kampung-kampung seperti Kg. Lubukan, Kg. Imbak dan Kg. Masaum; dan
- (b) langkah Kerajaan dalam melahirkan golongan masyarakat celik kesihatan terutama kes-kes yang melibatkan kematian mengejut seperti jantung, darah tinggi, diabetes dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan sentiasa perihatin keperluan rakyat bagi mendapatkan fasiliti kesihatan yang mudah dikunjungi, perkhidmatan yang berkualiti dan ubat serta peralatan yang berkualiti. Sehubungan dengan itu,

Kementerian akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan kepada seluruh rakyat, terutama penduduk luar bandar yang tinggal di kawasan pedalaman di seluruh negara. Dalam Pelan Transformasi Luar Bandar, Kementerian Kesihatan telah merancang untuk membina lebih banyak fasiliti kesihatan di luar bandar termasuk di Kg. Imbak, Kg. Masaum dan juga Kg. Lubukan. Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sedang giat mengenal pasti tapak yang sesuai untuk membina fasiliti kesihatan di ketiga-tiga kampung berkenaan. Sebaik sahaja tapak yang sesuai dikenalpasti dan urusan pindah milik selesai dilaksanakan, permohonan peruntukan akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Adalah dijangkakan pembinaan fasiliti kesihatan di ketiga-tiga kampung berkenaan akan dapat dilaksanakan sama ada pada akhir RMKe-10 atau RMKe-11, tertakluk kepada proses perolehan tapak serta kelulusan dari pihak UPE, JPM.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah bagi melahirkan golongan masyarakat celik kesihatan. Celik kesihatan bermaksud individu dan masyarakat yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk membudayakan amalan kesihatan yang disarankan.

Sehubungan dengan itu, pelbagai program telah dilaksanakan seperti:

- i) Kempen media pendidikan kesihatan;
- ii) Program khas melalui media massa utama: televisyen, radio

dan akhbar;

- iii) Pembangunan portal MyHealth dan Info sihat;
- iv) Penerbitan dan pengedaran bahan pendidikan bercetak;
- v) Program bersama komuniti;
- vi) Program bersama pemimpin;
- vii) Program Doktor Muda di sekolah rendah dan PROSTAR di sekolah menengah;
- viii) Kelas pendidikan pesakit di hospital; dan
- ix) Pusat Promosi Kesihatan Komuniti.

Pengetahuan dan amalan pencegahan penyakit tidak berjangkit sentiasa ditekankan melalui kempen cara hidup sihat iaitu komponen makan secara sihat, aktiviti fizikal dan tidak merokok. Sekiranya amalan-amalan tersebut dilakukan, individu berupaya menghindar penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi dan sakit jantung.

Media massa seperti televisyen, radio dan akhbar merupakan medium utama yang strategik dalam mempromosikan amalan kesihatan dan melahirkan masyarakat yang celik kesihatan. Semenjak tahun 2004, KKM telah melaksanakan kempen media mengenai isu-isu kesihatan melalui media massa utama di Malaysia. Hasil laporan kajian kempen media menunjukkan terdapat peningkatan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai isu-isu kesihatan yang telah disalurkan. Terdapat juga sebilangan mereka yang berhasrat untuk mengambil tindakan atas saranan yang dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga sentiasa bekerjasama dengan syarikat media di Malaysia bagi memastikan

maklumat kesihatan sampai kepada masyarakat melalui program khas media. Pada tahun 2011, sebanyak 54 topik kesihatan telah disiarkan di radio serta 52 topik kesihatan di stesyen televisyen utama.

Sebagai usaha untuk memudahkan penyampaian maklumat kepada rakyat, KKM menyediakan portal maklumat kesihatan iaitu MyHEALTH, dan Infosihat. Portal MyHEALTH merupakan portal kesihatan yang dibangunkan untuk menyediakan maklumat kesihatan bagi rakyat Malaysia melalui Internet. Portal ini menyediakan sumber maklumat tempatan yang berkualiti meliputi pelbagai aspek kesihatan. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan pembangunan kemahiran masyarakat serta meningkatkan penglihatan individu dalam penjagaan kesihatan diri dan keluarga. Sehingga Februari 2012, terdapat 835 tajuk dalam Bahasa Inggeris dan 805 tajuk dalam Bahasa Malaysia yang telah dimuatkan di dalam Portal MyHEALTH. Manakala, portal ini telah mendapat lebih 2 juta *hits*.

Bagi Portal Infosihat pula, sehingga Februari 2012, terdapat 4,655 media pendidikan kesihatan yang telah dimuat naik dan telah mendapat lebih 4 juta *hits*. Untuk meluaskan lagi capaian terhadap Portal MyHEALTH dan Infosihat, KKM tidak ketinggalan untuk menggunakan media sosial bagi mendekati pengguna-pengguna Internet. Oleh yang demikian, *fan page* bagi Portal MyHEALTH dan Infosihat serta *channel* MyHEALTH telah diwujudkan.

Untuk mengukuhkan lagi penyampaian maklumat kepada masyarakat, KKM telah menerbit dan mengedarkan pelbagai topik pendidikan

kesihatan bercetak. Pada tahun 2011 sahaja sebanyak 70 topik media pendidikan kesihatan telah dihasilkan dan diedarkan di seluruh Malaysia.

Amalan kesihatan di kalangan masyarakat Malaysia diperkuuhkan lagi melalui pelbagai program di peringkat komuniti seperti kem kesihatan dan Program Bersama Pemimpin. Program-program tersebut merupakan program turun padang oleh KKM. Pada tahun 2011, sebanyak 2,426 kem kesihatan dan 1,179 Program Bersama Pemimpin telah dijalankan.

Pusat Promosi Kesihatan Komuniti telah beroperasi semenjak tahun 2004. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah kelas senamrobik, kemudahan gimnasium, perkhidmatan berhenti merokok dan perkhidmatan saringan minda sihat. Semenjak beroperasi, seramai 32,174 klien telah menggunakan perkhidmatan dan menyertai aktiviti di pusat ini.

Program-program khas seperti Doktor Muda di sekolah rendah dan PROSTAR di sekolah menengah juga diwujudkan. Tujuan utama ialah bagi melahirkan generasi muda Malaysia yang celik kesihatan. Sehingga 2011, terdapat 1,392 buah sekolah yang mempunyai Kelab Doktor Muda dengan keahlian seramai 36,730 orang. Manakala di sekolah menengah pula sehingga tahun 2011, terdapat 1,169 sekolah menengah yang mempunyai program PROSTAR. Ahli Doktor Muda dan PROSTAR akan bertindak sebagai agen untuk mempromosi cara hidup sihat di kalangan rakan sebaya mereka.

Pelaksanaan program pendidikan pesakit di hospital-hospital Kerajaan tertumpu kepada aktiviti-aktiviti berbentuk pendidikan dalam rawatan dan pemulihan pesakit. Fokus utama ialah terhadap empat penyakit utama di Malaysia seperti diabetes, hipertensi, asma dan penyakit buah pinggang. Di samping itu, perkhidmatan berhenti merokok juga diberi tumpuan khusus kerana rokok menjadi penyebab kepada pelbagai penyakit. Pada tahun 2011, sebanyak 5,829 kelas pendidikan pesakit telah dilaksanakan dengan kehadiran seramai 92,260 pesakit.

Kementerian Kesihatan telah mengoptimumkan penggunaan kemudahan serta menggunakan pelbagai kaedah dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat agar mereka celik kesihatan. Oleh itu, masyarakat Malaysia hendaklah mengambil peluang yang telah tersedia bagi memperkasakan diri dalam aspek kesihatan supaya terhindar dari penyakit- penyakit tidak berjangkit.

SOALAN NO : 6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN
 HAJI SALLEH
 [KALABAKAN]**

TARIKH 11 APRIL 2012

SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) apakah Kementerian sedar bahawa Hospital Besar Tawau amat kekurangan Doktor pakar yang berpengalaman; dan
- b) jika maklum apakah Kementerian ada pelan tindakan dalam memastikan hak warga Kalabakan, Tawau, Semporna dan Kunak kepada perkhidmatan doktor-doktor pakar berpengalaman dipenuhi dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua

|

Kementerian Kesihatan memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil berbagai langkah untuk menambahkan lagi bilangan doktor dan doktor pakar dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat termasuklah di Hospital Tawau, Hospital Semporna dan Hospital Kunak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Tawau merupakan Hospital Pakar Major dengan 401 buah katil dengan kadar penggunaan katil (bed occupancy rate - BOR) sebanyak 90.27% dan secara purata kemasukan pesakit ke wad adalah seramai 80 orang sehari, manakala bilangan pesakit luar adalah dianggarkan seramai 1,075 orang.

Dari segi tenaga manusia pula, sehingga Februari 2012, Hospital Tawau mempunyai seramai 52 orang Pegawai Perubatan termasuk 12 orang Pegawai Perubatan Pakar. Daripada jumlah tersebut, 19 orang merupakan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar lantikan secara kontrak.

Dari segi penyediaan perkhidmatan kepakaran, mengikut perancangan RMKe-10, Hospital Tawau akan menyediakan 20 bidang kepakaran. Daripada jumlah tersebut, buat masa ini 10 bidang kepakaran telah pun disediakan iaitu Perubatan Dalaman; Pembedahan Am; Pediatrik; Ortopedik; Perbidanan dan Sakit Puan; Anestesiologi; Perubatan Kecemasan; Radiologi; Mata; Telinga, Hidung dan Tekak. Perkhidmatan kepakaran lain yang telah dikenalpasti seperti Patologi, Psikiatri, Nefrologi, Dermatologi, Perubatan Respiratori, Penyakit Berjangkit, Neonatologi,

Maternal Fetal Medicine, Pergigian Pediatric dan Bedah Mulut akan disediakan secara berfasa. Bagi kes-kes rumit, pesakit akan dirujuk terus ke Hospital Queen Elizabeth.

Merujuk kepada penduduk di kawasan Semporna dan Kunak, mereka boleh mendapatkan rawatan di Hospital Semporna dan Hospital Kunak, di mana lawatan pakar dari Hospital Tawau disediakan secara berkala. Bagi kes-kes yang kompleks, ia dirujuk terus ke Hospital Tawau untuk rawatan lanjut.

Bagi menggalakkan pakar berkhidmat di pedalaman, Jemaah Menteri pada 14 September 2011 telah menetapkan tempoh minima penempatan pakar perubatan ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak termasuklah Hospital Tawau adalah 6 bulan sahaja. Dengan ini lebih ramai pakar dapat ditempatkan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak termasuklah Hospital Tawau.

SOALAN NO: 7

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

TARIKH

DATUK ISMAIL BIN KASIM (ARAU)

SOALAN

11 APRIL 2012

DATO' ISMAIL BIN KASIM minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji keberkesanan Beras ST15 yang disubsidikan oleh Kerajaan tetapi ternyata masih berkurangan dalam pasaran terutamanya di luar bandar.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Subsidi Harga Beras dilaksanakan bagi membolehkan beras Super Tempatan 15% (ST15) atau Beras Nasional dikeluarkan dan dijual pada harga murah yang dikawal iaitu di antara RM1.65/kg hingga RM1.80/kg bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan bekalan beras bagi keperluan harian.

Pada asasnya bekalan Bekalan Beras Nasional di semua tempat adalah mencukupi tetapi kesukaran memperoleh beras berkenaan di pasaran berlaku dan keadaan yang sama juga terjadi di setengah-setengah tempat di seluruh Negara. Keadaan tersebut berlaku kerana semua peringkat pengguna termasuklah peniaga kedai makan, golongan berpendapatan sederhana dan berpendapatan rendah bersaing bagi memperolehi bekalan beras berkenaan berikutan harganya yang murah berbanding beras-beras lain

yang terdapat di pasaran sedangkan keperluan beras Super Tempatan 15% (ST15) hanya satu per tiga daripada jumlah keperluan beras negara.

Bagi menangani masalah tersebut, pihak Kawalselia Padi dan Beras melakukan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap pemborong yang diagihkan kuota dan rangkaian peruncit pemborong yang terlibat dengan penjualan beras ST15%.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
TARIKH 11 APRIL 2012 (RABU)
SOALAN NO. 8
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah Kementerian bagi memenuhi keperluan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan keperluan industri dan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan kursus pengajian baru bagi Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) agar dapat melahirkan graduan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan negara dan antarabangsa.

Bagi memastikan IPTA menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan pasaran, Kementerian telah mengambil langkah dengan mewajibkan supaya setiap IPTA menjalankan kajian pasaran guna tenaga terhadap program akademik yang dihendak ditawarkan sebelum sesuatu program pengajian diluluskan. Ini merangkumi peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta mengikut permintaan dalam pasaran semasa dan prospek jangka panjang.

Di samping itu, setiap IPTA disarankan untuk menawarkan program pengajian yang sesuai dengan bidang tujuan masing-masing dan menyokong rancangan lima tahun negara seperti RMKe-10, Pelan Induk Perindustrian dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi memastikan graduan yang dihasilkan benar-benar memenuhi aspirasi negara dari sudut keperluan guna tenaga modal insan nasional.

Selaras dengan hala tuju semasa negara, KPT juga telah menggalakkan IPTA untuk menawarkan program akademik baharu yang menyokong NKEA. Sehingga tahun 2011, sebanyak 63 program telah diluluskan berdasarkan lima bidang utama NKEA iaitu:

- i. Hospitaliti dan Pelancongan ;
- ii. Perbankan dan Kewangan Islam ;
- iii. Teknologi Sains Makanan;
- iv. Kejuruteraan Termaju, Sains dan Inovasi; dan
- v. Sains Kesihatan

Selain itu, Kementerian juga telah mewujudkan jalinan kerjasama di antara IPT dan industri melalui program pembangunan modal insan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) seperti *High End Industries Graduate Internship Programme* (HEIGIP) dan *Industry Centre of Excellence* (iCOE). IPT dan industri yang terlibat dalam program ini akan turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi baru berlandaskan inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi.

No >
~~NO AUM -r~~

-N◎-Abf>-r

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]
TARIKH	11 APRIL 2012
RUJUKAN	4552

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jay a] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil siasatan pihak polis melalui laporan polis DENGKIL/001427/11 pada 15 Mei 2011 berhubung dengan kematian Mohamad Johari bin Abu Bakar yang meragukan pihak keluarga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, satu laporan polis telah dibuat oleh ibu kepada Mohamad Johari Bin Abu Bakar yang dilaporkan mati di tembak oleh pihak polis di Dengkil pada 13 Mei 2011. Pengadu membuat laporan polis kerana berpendapat kematian anaknya menimbulkan banyak keraguan. Hasil daripada laporan polis tersebut satu kertas siasatan telah dibuka dan pada masa ini kes tersebut masih lagi dalam siasatan pihak polis. Satu permohonan semakan jenayah oleh keluarga si mati telah di failkan di mahkamah bagi mendapatkan penjelasan sebab-sebab kematian.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)
TARIKH	11.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah yang mempunyai surau di seluruh negara dan sejauh mana surau berkenaan diberikan perhatian oleh Kerajaan bagi memastikan institusi berkenaan terpelihara dan dipelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan pendidikan dan akses pendidikan termasuk surau sekolah yang menjadi faktor utama pembangunan modal insan yang berkualiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, surau sekolah telah disediakan dengan prasana yang sesuai seperti tempat wuduk, karpet, sejadah dan alat siaraya untuk kemudahan amali solat. Di samping itu, kemudahan dan peralatan tertentu seperti mushaf al Quran, bahan bacaan, bahan bantu pembelajaran dan digunakan sebagai makmal j-QAF juga disediakan. KPM akan terus memastikan kewujudan surau di sekolah dan berfungsi dengan berkesan serta sentiasa dipelihara bagi memantapkan akidah dan akhlak mulia murid.

Berdasarkan data pada 31 Januari 2012, bilangan sekolah seluruh negara yang mempunyai surau ialah seperti berikut:

NEGERI	RENDAH	MENENGAH	JUMLAH
JOHOR	61	111	172
KEDAH	102	74	176
KELANTAN	96	54	150
MELAKA	14	35	49
NEGERI SEMBILAN	43	51	94
PAHANG	58	67	125
PERAK	55	59	114
PERLIS	14	8	22
PULAU PINANG	29	45	74
SABAH	38	45	83
SARAWAK	27	41	68
SELANGOR	88	98	186
TERENGGANU	67	46	113
WP KUALA LUMPUR	13	16	29
WP LABUAN	1	1	2
WP PUTRAJAYA	0	7	7
JUMLAH BESAR	706	758	1464

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	11.04.2012

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah tabungan KWSP telah dilaburkan ke syarikat tertentu dari tahun 1 Januari 2008 sehingga 28 Februari 2012 (dalam dan luar negara).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan KWSP di dalam ekuiti syarikat-syarikat yang tersenarai di bursa-bursa saham domestik dan luar negara adalah berdasarkan mandat dan penanda aras (*benchmark*) yang dipilih. Jumlah pelaburan ke atas sesuatu ekuiti adalah berubah-ubah selaras dengan aktiviti pembelian dan penjualan yang dilakukan saban hari.

2. Jumlah pendedahan pelaburan ekuiti KWSP telah meningkat dari tahun 2007 hingga 2011. Pada tahun 2007 jumlah pelaburan ekuiti adalah RM66.3 bilion atau 21.2% daripada jumlah aset dan meningkat kepada RM167.21 bilion atau 35.6% daripada jumlah aset pada tahun 2011. Jumlah tersebut adalah

termasuk syarikat-syarikat bersekutu dan subsidiari KWSP, saham tidak tersiar harga dan ekuiti persendirian.

3. Setakat Disember 2011, pelaburan ekuiti (domestik dan luar negara) melibatkan pelbagai sektor/industri termasuklah industri kewangan, barang industri, barang pengguna, telekomunikasi, bahan asas, minyak dan gas, utiliti, perkhidmatan, teknologi dan penjagaan kesihatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARI PADA

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

[REMBAU]

TARIKH

11 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan akan menetapkan bahawa setiap Menteri, ahli keluarga dan pasangan masing-masing diwajibkan mengisytiharkan harta dan aset mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

NO. SOALAN : 12

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan yang ada pada hari ini merupakan sebuah Kerajaan yang mengamalkan sikap telus dan terbuka. Oleh itu, Kerajaan sentiasa bersedia untuk melaksanakan dasar perisyntiharhan harta Menteri Kabinet dan hakim-hakim bagi memastikan integriti dalam pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya Kerajaan telah lama mengamalkan proses pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran. Pengisytiharan harta yang diwajibkan pula bukan terhad kepada Anggota pentadbiran sahaja seperti yang dilakukan oleh pihak tertentu, sebaliknya bersifat menyeluruh dan turut melibatkan ahli keluarga terdekat. Setiap Anggota Pentadbiran diwajibkan mengisytiharkan harta diri serta harta keluarga terdekat kepada Perdana Menteri. Setiap tambahan atau pelupusan harta juga wajib diisytiharkan. Tambahan lagi kesemua pengisytiharan harta yang berkenaan dibuat secara berkanun (**statutory declaration**). Pada 27 Februari yang lalu saya telah mengumumkan persetujuan Kerajaan agar Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana Anggota Pentadbiran dan akan memantau pertambahan harta, *liability* dan pelupusan semasa beliau memegang jawatan. Setiap tambahan atau pelupusan harta wajib diisytiharkan setiap 2 tahun. Ini mencerminkan keterbukaan dan

kesediaan Kerajaan membantu fungsi dan peranan SPRM selaku pihak berkuasa dalam pencegahan rasuah selain membuktikan komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah secara total dan di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
 JAMALUDDIN [BUKIT
 GANTANG]**

TARIKH 11 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan pembinaan Landasan Keretapi yang menghubungkan Ipoh ke Lumut.

SOALAN NO.13 YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI

JAWAPAN:

MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya peka dengan status Daerah Manjung yang sedang pesat membangun serta Bandar Lumut yang menjadi pelabuhan utama bagi Negeri Perak.

Kementerian Pengangkutan telah memulakan kajian awalan mengenai cadangan pembinaan projek landasan keretapi Ipoh- Lumut. Kajian telah dijalankan oleh pasukan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Kementerian Pengangkutan dalam mengenai pasti laluan bagi perkhidmatan itu. Hasil awal kajian mendapati cadangan projek pembinaan landasan keretapi Ipoh - Lumut akan melibatkan laluan Ipoh-Batu Gajah-Tronoh-Seri Iskandar-Kampung Acheh.

SOALAN NO.13

Selain itu, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) juga sedang di dalam proses menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat di peringkat Negara dan juga wilayah yang turut melibatkan Negeri Perak serta kawasan Manjung khasnya. Apabila dilaksanakan kelak, rancangan induk ini akan turut mengkaji mod-mod pengangkutan awam lain termasuk perkhidmatan bas dan teksi serta komponen sokongan bagi memastikan penyediaan kemudahan infrastruktur pengangkutan awam serta kualiti perkhidmatannya adalah ditahap paling optima. Penambahbaikan secara bersepadu mod-mod pengangkutan awam ini dijangka akan melonjakkan penggunaan pengangkutan awam disamping meminimakan kebergantungan kepada kenderaan persendirian.

Sekian, terima kasih.

~~REMBERITA JAWAPAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~
~~PERTANYAAN JAWAPAN~~

DARIPADA

YB DATUK HAJAH NORAH BINTI

ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)

TARIKH

11 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

YB Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman (Tanjong Manis) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada Kerajaan dapat meluluskan pemberian sara hidup kepada 1,000 keluarga termiskin yang tercicir dari e-Kasih dan belum mendapat apa-apa bantuan di kawasan Parlimen Tanjung Manis.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH)

sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah. Langkah ini penting bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang miskin atau tercicir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan masyarakat.

Satu daripada inisiatif di bawah NKRA LIH ini ialah Program 1AZAM yang mengandungi 4 komponen iaitu:

- AZAM Niaga dan AZAM Khidmat yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia;
- AZAM Tani yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; dan
- AZAM Kerja yang diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Program 1AZAM ini adalah satu program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah. Program ini ditawarkan kepada mereka yang tersenarai dalam sistem eKasih serta penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pada masa ini seramai 1,420 orang dari kawasan Parlimen Tanjong Manis telah pun berdaftar di bawah sistem eKasih. Daripada jumlah tersebut seramai 229 orang Ketua Isi Rumah (KIR) telah pun menyertai program

1AZAM. Selain itu, seramai 299 orang menerima bantuan kebajikan yang disalurkan oleh JKM, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM673.370.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung kes 1,000 keluarga miskin di kawasan Parlimen Tanjong Manis yang tercicir dan belum mendapat sebarang bantuan kebajikan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjong Manis, saya berharap senarai keluarga terbabit dapat dikemukakan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terdekat bagi membolehkan siasatan selanjutnya. Sekiranya keluarga terbabit layak, pihak Kementerian akan menyalurkan bantuan yang sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT ALAMANAN 10
SOALAN Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN KARPAL SINGH [BUKIT
TARIKH GELUGOR] 11 APRIL 2012**

SOALAN

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk memberitahu Dewan bilangan kematian yang disebabkan oleh demam denggi di negara ini dalam tempoh 5 tahun yang lepas.

Tuan Yang Dipertua

Dari pemantauan yang dijalankan oleh pihak Kementerian, bilangan kes kematian Denggi bagi seluruh negara bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah antara 88 kematian hingga 134 kematian, di mana bilangan kes kematian tertinggi dilaporkan adalah pada tahun 2010. Walaubagaimanapun, pada tahun 2011, jumlah kematian Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan yang ketara iaitu hanya 36 kematian.

Negeri Selangor merupakan negeri yang melaporkan jumlah kematian tertinggi iaitu antara 34% - 55% daripada jumlah kematian seluruh negara,

diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (4% - 24%) dan Johor (3% - 19%). Manakala, negeri-negeri lain melaporkan kematian Denggi antara 0% - 10%. Bagi tahun 2012, sehingga 10 Mac, jumlah kematian yang dilaporkan adalah sebanyak 16 kematian.

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

(PADANG BESAR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.04.2012

Y.B. DATO¹ SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan setelah melihat bencana ekonomi yang hari ini melanda negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat, yang sebahagian besarnya berpunca dari terlalu bebasnya sistem kewangan mereka, hasil dari ketamakan "penyangak-penyangak" Wall Street, adakah Kerajaan telah atau sedang memikirkan model-model yang sesuai dan berkemampuan untuk menangani masalah yang sama, memandangkan Malaysia adalah negara yang terbuka dan sistem kewangan kita sentiasa terdedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedia maklum bahawa bencana ekonomi di negara-negara Eropah

dan Amerika Syarikat ketika ini berlaku akibat daripada sistem kewangan mereka yang terlalu bebas. Perkembangan ini seterusnya terdedah kepada kemasalahan subprima kewangan dan manipulasi pemain pasaran Wall Street yang hanya mengutamakan keuntungan jangka pendek semata-mata. Amalan derivatif kewangan yang sepatutnya digunakan bagi mengurangkan risiko kewangan dan pelaburan pula telah digunakan bagi mengaut keuntungan jangka pendek. Keadaan di Eropah diburukkan lagi dengan tadbir urus kewangan Kerajaan yang tidak cekap sehingga menyebabkan negara berkenaan dibebani dengan defisit hutang yang amat besar. Sebagai sebuah pasaran ekonomi negara yang terbuka, Kerajaan sedia maklum bahawa senario ekonomi yang kini melanda Eropah dan Amerika Syarikat boleh memberi impak negatif ke atas ekonomi Malaysia.

2. Bagi mengurangkan impak negatif tersebut kepada ekonomi negara, Kerajaan telah memberi penekanan dalam merancakkan aktiviti ekonomi domestik dengan melaksanakan pelbagai program dan projek ekonomi sama ada jangka pendek atau jangka panjang. Ini selaras dengan pendekatan Model Baru Ekonomi (NEM) negara melalui pelaksanaan Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang turut melibatkan usaha-usaha mencergaskan pelaburan swasta serta mengekalkan perbelanjaan penggunaan swasta yang kukuh bagi merancak ekonomi negara dan meningkatkan kesejateraan rakyat. Melalui pendekatan ini, pelaburan swasta dijangka meningkat 15.9 peratus disokong oleh peningkatan pelaburan domestik dan asing di bawah pelaksanaan projek Transformasi Ekonomi Negara (ETP) dan Rolling Plan Kedua (RP-Kedua) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Begitu juga dalam Bajet 2012 yang dibentangkan pada 7 Oktober 2011, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM232.8 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Usaha bagi merancakkan ekonomi domestik dimantapkan lagi dengan pelaksanaan Pakej Rangsangan Khas berjumlah RM6 bilion yang dibiayai melalui Private Financing Initiative (PFI). Melalui kaedah ini, projek awam untuk kesejahteraan rakyat termasuk penaiktarafan infrastruktur asas luar bandar, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah serta rancangan tebatan banjir dapat

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

dilaksanakan.

3. Bagi menarik minat pelaburan langsung asing yang semakin mencabar berikutan suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, Kerajaan telah meliberalisasi 17 subsektor perkhidmatan, termasuk bidang perkhidmatan hospital swasta, pakar perubatan, pergigian, kurier dan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selain daripada pelbagai usaha dalam merancakkan aktiviti ekonomi negara, Kerajaan juga akan memastikan tadbir urus kewangan dan fiskal yang berhemat dan bertanggungjawab. Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 4.7 peratus daripada KDNK pada tahun 2012 berbanding 5.0 peratus pada tahun 2011. Selain itu, Kerajaan juga akan mengukuhkan lagi usaha meningkatkan hasil Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Adalah jelas bahawa melalui inisiatif Kerajaan sama ada melalui Bajet 2012 dan pelbagai inisiatif transformasi Negara, terutamanya melalui ETP di bawah Model Ekonomi Baru dapat menangani masalah kewangan yang kini dihadapi oleh Amerika Syarikat dan Eropah. Selain itu, Kerajaan juga akan sentiasa mengamalkan tadbir urus kewangan dan fiskal yang berhemat dan bertanggungjawab. Dengan segala usaha tersebut adalah dijangka ekonomi negara terus berkembang kukuh dan mapan.

Tuan Yang DiPertua,

6. Asas ekonomi Malaysia adalah kukuh. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4% hingga 5% bagi tahun 2012. Pertumbuhan ini adalah disokong oleh pelaburan swasta yang mantap serta peningkatan dalam produktivity sektor awam dan swasta.

NO.SOALAN : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

DARIPADA

11 APRIL 2012

TARIKH

4643

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan laporan polis yang dibuat terhadap mana-mana pegawai SPRM sejak 2008 dan tindakan yang telah pun diambil dan sekiranya tidak, kenapa dan status seterusnya kes-kes ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berhubung laporan polis terhadap pegawai SPRM sejak tahun 2008 sehingga Februari 2012, sebanyak 42 kertas siasatan telah dibuka, 32 daripadanya masih dalam siasatan dan baki 10 lagi telah mendapat arahan oleh Timbalan Pendakwaraya supaya digugurkan (tiada tindakan lanjut).

Tuan Yang di-Pertua,

Semua laporan polis telah diambil tindakan dan setelah siasatan dijalankan, ada kes telah di digugurkan (tiada tindakan lanjut) oleh Timbalan Pendakwaraya kerana suspek tidak dapat dikenalpasti oleh pengadu atau ketiadaan keterangan bagi membuktikan kesalahan seperti dinyatakan oleh pengadu dalam laporannya.

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG

TARIKH: 11 APRIL 2012

SOALAN:

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan keputusan Kerajaan terhadap isu gaji minima untuk pelbagai sektor pekerjaan di Malaysia. Apakah keputusan tersebut dan impak atau kebaikan keseluruhannya terhadap pekerja tempatan dan pekerja asing.

PR-1251-L47163

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gaji minimum akan dilaksanakan setelah perintah gaji minimum (*minimum wages order*) diwartakan. Pengumuman mengenai tarikh sebenar pelaksanaan akan dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 30 April 2012.

2. Keputusan Kerajaan mengenai gaji minimum adalah berdasarkan kepada syor Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN)

yang telah mengambil kira pendapat dan pandangan termasuk kajian oleh Bank Dunia, Bengkel bersama pihak majikan dan pekerja, Input daripada Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai ahli ekonomi dan pakar dalam ekonomi perburuhan, taklimat serta rundingan dengan orang awam di seluruh negara.

3. Di kalangan negara-negara yang telah melaksanakan gaji minimum seperti Amerika Syarikat, China, Perancis, Taiwan dan United Kingdom menunjukkan bahawa pelaksanaan gaji minimum lebih banyak membawa kesan positif ke atas pembangunan sosio-ekonomi mereka.
4. Dengan pelaksanaan dasar gaji minimum, adalah dijangkakan sekurang-kurangnya 40% pekerja yang berpendapatan rendah dapat ditingkatkan pendapatan mereka ke suatu tahap yang lebih baik. Ini secara langsung dapat meningkatkan kualiti hidup pekerja, keluarga mereka dan masyarakat keseluruhannya.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

[BAGAN SERAI]

TARIKH : 11 APRIL 2012

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI

SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang diguna pakai untuk mengatasi pencemaran bau busuk yang dikeluarkan oleh kilang kelapa sawit.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi memproses buah kelapa sawit di kilang-kilang kelapa sawit akan menghasilkan air buangan. Air buangan tersebut akan menghasilkan bau. Oleh yang demikian, air buangan ini perlu disalurkan ke loji pengolahan untuk mematuhi standard pelepasan sama ada ke alur (sebagai contoh, BOD 100 mg/l ataupun 20 mg/l mengikut lokasi) atau pelepasan ke atas tanah (BOD 5,000 mg/l atau kurang mengikut lokasi) sepetimana yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Pematuhan sepenuhnya kepada standard pelepasan tersebut serta penyelenggaraan kolam-kolam pengolahan untuk memastikan sistem pengolahan berfungsi dengan baik, di samping membuang (*desludge*) enapcemar yang terkumpul di dalam kolam-kolam pengolahan setiap dua atau tiga tahun sekali, akan mengelakkan berlaku bau busuk daripada kilang-kilang kelapa sawit.

Sekian, terima kasih.

SO

**PEMBERI
TAHUN
PERTAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
YAAN**

PERTANYAAN

Lisan

DARIPADA

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY
A/L R.SANTIAGO**

KAWASAN

KLANG

TARIKH

11.4.2012

NO. SOALAN

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status perundingan FTA dengan EU dan negara TPP. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan ‘Parliamentary Select Committee’ untuk memantau perundingan FTA.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

***Trans-Pacific Partnership* atau TPP telah melalui sebelas pusingan rundingan sehingga Mac 2012, manakala Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia dengan Kesatuan**

Eropah atau dengan izin, *Malaysia-European Union Free Trade Agreement* (MEUFTA) pula telah melalui enam pusingan rundingan sehingga Februari 2012. Skop rundingan FTA bagi kedua-dua Perjanjian ini adalah komprehensif yang antara lain merangkumi bab akses pasaran, perkhidmatan, pelaburan, perolehan kerajaan, hak harta intelek, dasar persaingan, buruh dan aiam sekitar. Bagi rundingan TPP, skop rundingan dikembangkan lagi dan juga meliputi isu-isu melintang atau *horizontal issues*, dengan izin, yang mencakupi isu kesepaduan peraturan, integrasi serantau, rantai bekalan, persaingan serta enterpris kecil dan sederhana,

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak ada cadangan untuk menubuhkan *Parliamentary Select Committee*, dengan izin. Namun begitu, Kerajaan akan terus berunding dengan semua *stakeholders*, dengan izin, bagi mendapatkan hasil yang seimbang, realistik dan memberi faedah kepada negara.

Kerajaan akan juga terus memaklumkan Parlimen perkembangan terkini semasa soal jawab atau perbahasan lain.

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH JAWAPAN : 11 APRIL 2012 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilangan permohonan dan kelulusan untuk *Feed-in-Tariff* serta kaedah yang digunakan untuk menentukan kelulusan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) merupakan satu mekanisme di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu yang telah diluluskan Jemaah Menteri pada 2 April 2010. Ia dilaksanakan melalui penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] mulai 1 Disember 2011. Mekanisme FiT membenarkan Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang dihasilkan oleh pemaju-pemaju TBB dijual kepada pihak utiliti pada kadar belian premium.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mekanisme FiT telah dilancarkan oleh SEDA Malaysia pada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725). Pelaksanaan permohonan FiT telah dilaksanakan secara sistem *online* yang dikenali sebagai Sistem e-FiT. Sehingga 29 Februari 2012, sejumlah 743 permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 548.86 MW telah diterima oleh SEDA Malaysia. Daripada jumlah ini, sebanyak 377 permohonan dengan kapasiti 311.56 MW telah diluluskan. Daripada kapasiti yang diluluskan tersebut, sejumlah 140.03 MW adalah daripada sumber *solar photovoltaic* (PV), dengan izin, 91.8 MW daripada biomas diikuti 65.25 MW dari hidrokuasa kecil dan 14.48 MW daripada biogas.

Selain itu, sebanyak 87 permohonan dengan kapasiti 162.88 MW telah ditolak dan baki sebanyak 279 permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak 74.42 MW masih dalam peringkat pengesahan oleh SEDA Malaysia. Proses pengesahan yang dimaksudkan adalah termasuk meneliti dokumen-dokumen yang telah dikemukakan. Sekiranya dokumen tersebut didapati tidak lengkap, pegawai-pegawai SEDA Malaysia di bawah

Seksyen 6(1), Akta 725 boleh meminta pemohon yang layak untuk memberikan maklumat atau dokumen tambahan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mendapatkan kelulusan sebagai *feed-in approval holder* (FIAH), dengan izin, pemaju perlu memastikan sesuatu pepasangan tidak melebihi kapasiti 30 MW. Selain itu, kelulusan juga bergantung kepada keperluan di bawah, dengan izin, *Renewable Energy (Feed-in Approval and Feed-in Tariff Rate) Rules 2011, Renewable Energy (Criteria for Renewable*

Resources) Rules 2011, Renewable Energy (Technical & Operational Requirements) Rules 2011, Renewable Energy (Renewable Energy Power Purchase Agreements) Rules 2011 dan kuota TBB berdasarkan tarikh operasi pepasangan tersebut.

Keterangan yang lebih terperinci boleh didapati di dalam laman web SEDA Malaysia iaitu www.seda.gov.mv.

NO. SOALAN : 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI
TARIKH	SHUKRI [BATANG SADONG] 11.04.2012 (RABU)

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sama ada Kementerian akan menghapuskan subsidi terhadap harga penjualan gula demi mengawal kesihatan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pemberian subsidi oleh pihak kerajaan adalah untuk mengekalkan harga runcit disamping meringankan beban rakyat dalam berbelanja. Pihak kerajaan akan terus mengekalkan subsidi kepada pengguna untuk meringankan beban rakyat, tetapi pada masa yang sama pihak kementerian masih menitikberatkan kesihatan rakyat.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan juga telah menjalankan pelbagai cara dan inisiatif bagi menyedarkan pihak pengguna dengan menyampaikan informasi berkenaan bahayanya penggunaan gula secara berlebihan

melalui kempen kurangkan penggunaan gula dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimanapun, kempen kesihatan penggunaan gula secara berlebihan yang boleh memudarangkan kesihatan akan terus dijalankan oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan telah menerangkan bahayanya gula melalui media massa dan media cetak. Kementerian kesihatan juga menjalankan pelbagai kaedah untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat bagi menyedarkan bertapa bahayanya penggunaan gula secara berlebihan dalam makanan. Dalam hal ini semua pihak perlu bekerjasama untuk menjayakan kempem tersebut.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEL1MA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]

TARIKH 11 APRIL 2012 [RABU]

SOALAN

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta PERDANA MENTERI

menyatakan berita yang mengatakan kilang tepung FFM milik Robert Kwok ada memasukkan bahan-bahan tidak halal dalam tepung keluarannya, adakah ini benar dan jika benar apakah tindakan yang telah di ambil kepada pengkhianat ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHRAM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) banyak menerima aduan dan pertanyaan melalui email dan *Facebook* berhubung isu kilang tepung FFM sama ada terdapat bahan-bahan tidak halal dalam tepung keluarannya. Sebenarnya produk tersebut

I

telah diberikan sijil halal dan pengesahan sedia ada adalah sah sehingga 30 Jun 2012.

JAKIM telah membuat penilaian terhadap ramuan dan proses pembuatan produk berkenaan mengikut Standard Halal Malaysia MS 500:2009 sebelum diluluskan Sijil Halal. JAKIM telah mengambil sampel tepung tersebut pada 28 April 2011 dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk diuji. Keputusan ujian ialah tidak terdapat DNA babi. Oleh itu JAKIM mengesahkan bahawa produk tersebut adalah halal.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :24

DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)

Soalan No :

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 11/04/2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- a) Jumlah kes-kes di bawah siasatan Anti-Money Laundering Act dan Terrorist Financing Act 2006 oleh Jabatan Kastam DiRaja (Kastam) daripada tahun 2006 sehingga Februari 2012, jumlah hasil yang dibekukan dan dirampas dan berapakah kes telah disabitkan dengan kesalahan di bawah undang-undang tersebut; dan
- b) Berapakah syarikat-syarikat daripada jumlah kes-kes di mana pembekuan wang tersebut oleh Kastam telah mengakibatkan syarikat-syarikat telah digulungkan atau ditutup kerana tindakan pembekuan wang di bawah Akta tersebut seolah-olah Kastam mengamalkan dasar 'guilty until proven innocent' dan/atau syarikat-syarikat atau pengarah-pengaruhnya terpaksa membayar penalti kepada Kastam untuk mengelakkan masalah kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 37 buah syarikat telah disiasat di bawah *Anti Money Laundering Act* dan *Anti Terrorism Financing Act 2001* dari tahun 2006 sehingga Februari 2012. Jumlah hasil yang dibeku dan dirampas sehingga 9 Mac 2012 adalah sebanyak RM171.83 juta. Dari jumlah itu, RM50.52 juta telah dilepaskan semula dan RM18.60 juta cukai/duti yang gagal dibayar berjaya dipungut semula.
Rjm 104

Status kes-kes yang disiasat di bawah *Anti Money Laundering Act* dan *Anti Terrorism Financing Act 2001* di Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah seperti berikut:

- i. 1 kes telah ditutup;
- ii. 5 kes di peringkat mahkamah; dan
- iii. 31 kes masih dalam siasatan.

Jabatan tidak mengamalkan dasar "guilty until proven innocent" ke atas syarikat-syarikat yang disiasat di bawah *Anti Money Laundering Act* dan *Anti Terrorism Financing Act 2001*. Semua tindakan Jabatan berdasarkan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara serta peruntukan yang dibenarkan di bawah Akta yang berkaitan. Siasatan dan tindakan Jabatan juga berdasarkan laporan risikan ke atas syarikat-syarikat yang disyaki terlibat dalam penyelewengan. Sehubungan itu, masalah kewangan mungkin dihadapi oleh syarikat dan ia diluar bidang kuasa Jabatan.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO* SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED (SEPANG)
TARIKH	11.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah yang menjalankan program Kantin 1 Malaysia dan nyatakan langkah Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan lebih banyak kantin sekolah menjаяkan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sekolah yang telah melaksanakan program kantin 1 Malaysia iaitu SK Kulai, Kg. Melayu, Kulai Jaya, Johor. Kantin tersebut adalah hasil usaha sama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kulai Jaya, pihak sekolah dan pengusaha kantin serta telah dilancarkan pada 9 Februari 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang meneliti pelaksanaan kantin 1 Malaysia di sekolah tersebut. Cadangan perluasan program kantin 1 Malaysia memerlukan kajian menyeluruh dan perlu mendapat pandangan pihak berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, pentadbir sekolah, pengusaha kantin sekolah dan ibu bapa..

NO. SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

LEMBAH PANTAI

TARIKH 11 APRIL 2012

SOALAN

Puan Nurul Izzah bInti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah untuk menubuhkan jawatankuasa tetap Parlimen yang memiliki fungsi pemantauan pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar di bawah kategori ekonomi dan kewangan, keselamatan dan pertahanan, pendidikan dan tenaga kerja, kesihatan dan khidmat masyarakat dan pembangunan bandar dan luar bandar

JAWAPAN

YB DATO* SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang berhormat, Kerajaan tidak menghalang penubuhan Jawatankuasa Pilihan di Dewan Rakyat. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan membolehkan ahli-ahli Parlimen membahaskan sesuatu isu yang dibawa dengan terperinci. Keperluan untuk menubuhkannya adalah tertakluk kepada keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 27

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH)

TARIKH : 11 APRIL 2012

SOALAN : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

(a) adakah Kementerian akan mengkaji harga padi di kawasan Muda (MADA) masih di takuk lama RM

1. 10 / kg berbanding dengan harga di kawasan Sabak Bernam; dan

(b) adakah Kementerian bercadang untuk memberikan bantuan modal pusingan bagi meringankan beban petani yang ditimpa musibah kemerosotan hasil padi akibat dari penyakit pada musim ini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak menetapkan harga pasaran (siling) bagi padi sebaliknya hanya menetapkan harga minimum di bawah Skim Harga Minimum Terjamin (GMP) telah ditetapkan pada paras RM750/tan. Harga pasaran padi sebenar adalah tertakluk kepada penawaran dan permintaan (Market Forces) semasa. Oleh itu, petani-petani digalakkan menjaga kualiti padi bagi menikmati harga yang lebih baik.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani prihatin terhadap musibah kemerosotan hasil padi yang dialami oleh petani. Kementerian melalui agensi-agensi yang terlibat akan memberikan bantuan khidmat sokongan pengurusan perosak berdasarkan Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada petani untuk memastikan masalah tersebut tidak berulang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR - PAS]**

TARIKH 11 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN N0.28. M/S. 329

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:-

- (a) apakah status Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB); dan
- (b) adakah Kementerian berpuas hati dengan prestasi STEB ini.

JAWAPAN

1. Untuk makluman, Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) masih lagi ditangguhkan pelaksanaannya.
2. Menurut kajian impak yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) terhadap 327 orang responden, 30% daripadanya mendapat hasil jualan bulanan sekitar RM1.000 hingga RM50.000, manakala 8% daripadanya telah menerima anugerah berprestasi tinggi dan 4 orang daripada usahawan tersebut sudah mencapai pasaran ke luar negara iaitu Indonesia, China, Singapura dan Brunei. Dengan pencapaian usahawan-usahawan belia tersebut, Kementerian berpuas hati dan sentiasa optimis untuk terus memberi bimbingan kepada golongan ini bagi meningkatkan lagi minat, kemahiran, keupayaan dan daya saing mereka dalam bidang keusahawanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

**Tuan Haji Nasharudin bin Mat
Isa [Bachok]**

TARIKH

Isnin, 11 April 2012

SOALAN

**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [
Bachok] minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah pendirian Malaysia
terhadap keganasan terhadap orang awam
di bandar Horns dan beberapa bandar lain
di Syria dan apakah Malaysia akan
mencadangkan campur tangan pasukan
pengaman dari kalangan tentera negara-
negara OIC.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pergolakan politik yang menjelaskan keselamatan di Syria masih berterusan. Sehingga kini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan hampir 7,500 orang awam telah terkorban di Syria sejak pemberontakan bermula pada 16 Mac 2011.

3. Malaysia memandang berat konflik yang semakin meruncing di Syria yang pastinya akan memberi kesan terhadap kestabilan serantau dan geopolitik dunia. Malaysia akan terus bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik di Syria menerusi peringkat dua hala mahupun peringkat pelbagai hala.

4. Dalam hal ini, semasa lawatan PYT Dr. Bouthaina Shaaban, Utusan Khas kepada Presiden Syria ke Malaysia pada 10-12 Oktober 2011, Malaysia telah menyuarakan keimbangan terhadap apa yang berlaku di Syria. Selain itu, semasa Mesyuarat Terbuka Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di peringkat Menteri yang diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 30 November 2011, Malaysia telah menyokong penuh usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Liga Arab bagi menyelesaikan krisis Syria secara damai. Malaysia turut

menyeru supaya semua pihak menggunakan dialog sebagai mekanisme untuk menamatkan kebuntuan serta mengelakkan pertumpahan darah. Justeru, adalah jelas terbukti bahawa Malaysia sentiasa komited dalam membela nasib umat Islam di seluruh dunia.

5. Malaysia juga turut menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB pada 16 Februari 2012 yang mempamerkan keprihatinan Malaysia terhadap keadaan di negara tersebut. Malaysia berharap Kerajaan Syria mengambil iktibar daripada resolusi UNGA yang mencerminkan kebimbangan dan harapan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, China dan Rusia berhak menggunakan kuasa veto mereka ke atas sebarang draf resolusi Majlis Keselamatan PBB termasuk ke atas resolusi pada 4 Februari 2012.

7. Dalam hal ini, Malaysia menyokong usaha mencari jalan penyelesaian secara damai demi kepentingan rakyat Syria dan untuk keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa. Ini boleh dilakukan melalui PBB dan pertubuhan kerjasama serantau seperti Liga Arab dan Majlis Kerjasama Teluk. Walau bagaimanapun, sebarang penyelesaian haruslah menghormati prinsip-prinsip demokrasi, kedaulatan dan integriti wilayah Syria, selaras dengan peruntukan Piagam PBB. Sehubungan ini Malaysia telah menyokong penubuhan satu Suruhanjaya Penyiasatan bagi menyiasat pencabulan hak asasi manusia melalui resolusi Majlis Hak Asasi Manusia pada 2 Disember 2011. Malaysia juga menolak sebarang campur tangan bersenjata di Syria.

8. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mempunyai dasar luar yang tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara. Dalam hal ini, Malaysia berharap agar konflik di Syria dapat diselesaikan melalui dialog dan secara aman dan demokratik. Malaysia juga sentiasa memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah-langkah yang wajar demi memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Syria.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia juga masih belum mempunyai rancangan untuk mengemukakan cadangan menerusi landasan OIC supaya satu pasukan pengaman dari kalangan tentera negara-negara anggota OIC dihantar bagi menghentikan keganasan terhadap orang awam di Syria. Ini bagi mengelakkan daripada campur tangan di dalam urusan dalaman negara tersebut serta membenarkan pelan-pelan yang disediakan oleh PBB dan Liga Arab dikuatkuasakan. Malaysia juga percaya dengan pelantikan Kofi Annan, bekas Setiausaha Agong PBB sebagai Utusan Khas PBB - Liga Arab ke Syria, dapat membantu menyelesaikan konflik di negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

NEGARA PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman[] Lips

TARIKH 11 April 2012

SOALAN

**Dato¹ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman[NO. SOALAN: 31
Lipis]**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan pusat bercadang mengehadkan pingat dan darjah kebesaran bertaraf Datuk kepada penjawat awam bagi membolehkan lebih ramai calon boleh menerima pengurniaan tersebut berbanding sekarang yang sama ada penerima yang telah menerima lebih daripada tiga anugerah Datuk dari pelbagai negeri dan pusat.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMEDNAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Di peringkat persekutuan, terdapat dua darjah kebesaran yang membawa gelaran “Datuk” iaitu Panglima Jasa Negara (PJN) dan Panglima Setia Diraja (PSD). Pengurniaan bagi kedua-dua darjah kebesaran ini mempunyai kuota dan had kurniaan khusus yang ditetapkan dan tidak sewenang-wenangnya dikurniakan kepada manama individu.

Pengurniaan dibuat berpandukan kelayakan dan kriteria seperti PJN boleh dipertimbang untuk dikurniakan kepada Bekas-bekas Timbalan

NO. SOALAN: 30

Menteri, Timbalan YDP Dewan Negara/ Rakyat, mufti, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Parlimen. Bagi penjawat awam pula, mereka yang layak dipertimbangkan mestilah pegawai-pegawai gred utama Turns

II, Jawatan Utama / Khas A, Jawatan Utama / Khas B, Profesor Khas A, Leftenan Jeneral bagi perkhidmatan tentera dan Pesuruhjaya Polis bagi perkhidmatan polis. Selain daripada itu, individu-individu yang dikenal pasti telah memberi sumbangan yang besar kepada negara seperti daripada golongan syarikat-syarikat utama, pertubuhan sukarela dan ahli-ahli sukan boleh dipertimbangkan untuk anugerah ini.

Anugerah PSD pula hanya dikurniakan kepada individu-individu yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan penuh taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Di samping itu, setiap calon yang dipertimbangkan untuk kurniaan-kurniaan ini perlulah bersih dan melepassi tapisan keutuhan, keselamatan dan jenayah serta bebas dari kebankrapan.

ia juga tertakluk kepada perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai *fountain of honour* bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP).

Pengurniaan darjah kebesaran kepada seseorang individu itu adalah berdasarkan sumbangan signifikan beliau di negeri-negeri yang tertentu yang difikirkan layak oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua - Yang di-Pertua Negeri

NO. SOALAN: 30

untuk diperkenankan dengan anugerah bergelar dan seumpamanya.

NO. SOALAN: 30

Setiap pengurniaan adalah merupakan hak prerogatif Raja-raja Melayu yang memerintah negeri berkenaan. Dasar berhubung perkara ini telah dijelaskan dalam Undang-undang Tubuh Negeri iaitu pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat atau gelaran kehormat merupakan hak prerogatif Raja-raja Melayu dan hanya boleh dikurniakan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua - Yang di-Pertua Negeri.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN

[MERBOK]

TARIKH 11 APRIL 2012

SOALAN:

Dato' Rashid Bin Din [Merbok] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah semua wakil-wakil rakyat yang dipilih rakyat tidak diguna pakai untuk membantu meluaskan kegunaan data e-kasih dengan pemberi kata laluan untuk membolehkan mereka membuat permohonan pendaftaran atau lain-lain urusan yang perlu.

JAWAPAN

Kutipan data dan maklumat untuk sistem maklumat bersepadu kemiskinan (e-Kasih) yang merupakan satu pangkalan data kemiskinan

nasional melalui pembanci yang terlatih. Maklumat yang dikutip adalah khusus untuk tujuan pembasmian kemiskinan dan bukan untuk tujuan lain dan ianya adalah bagi memudahkan agensi pelaksana program serta penyampai bantuan untuk menepati sasaran penerimanya. Ianya merupakan satu instrumen untuk membuat semakan, perancangan dan penyaluran bantuan di samping pemantauan impak bantuan dan keadaan kesejahteraan kumpulan sasaran berkenaan. Tambahan pula data dan maklumat yang dikutip adalah berterusan memandangkan insiden kemiskinan adalah dinamik dan banyak punca boleh menyebabkan kemiskinan berlaku.

Sehubungan itu, akses kepada eKasih adalah terkawal dan ianya hanya boleh dilakukan oleh agensi dan jabatan kerajaan yang dibekalkan ID atau kata laluan. Sehingga akhir tahun 2011, sejumlah 3,545 ID telah dibekalkan ke seluruh negara di pelbagai peringkat. Agensi berkenaan bertanggungjawab ke atas maklumat dalam eKasih dan bantuan yang diberikan terutamanya dari segi kemaskini maklumat profil dan bantuan.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TAN AH ENG
	(GELANG PATAH)
TARIKH	11.04.2012

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) punca utama kekurangan guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menghantar lebih ramai guru yang berbangsa Cina di kelas Pendidikan Khas SJKC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli yang Berhormat, antara punca berlakunya kekurangan guru di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) ialah faktor kekurangan bekalan guru yang berkelayakan dalam bahasa Mandarin untuk mengajar di SJKC. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berusaha bersungguh-sungguh mengisi kekosongan guru di SJKC. KPM telah mengambil langkah yang sistematik bagi menyelesaikan masalah tersebut seperti kenyataan media YAB Timbalan Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia pada 5 April 2012.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Program Pendidikan Khas Integrasi di SJKC buat masa sekarang ini adalah sebanyak 58 buah dengan bilangan guru seramai 190 orang. Perancangan untuk penambahan penempatan guru pendidikan khas bergantung kepada peluasan pembukaan kelas murid berkeperluan khas. Walau bagaimanapun, peluasan pembukaan kelas-kelas khas ini bergantung kepada permintaan setempat berdasarkan permohonan dan peningkatan bilangan murid di sekolah berkenaan. KPM juga akan memberi keutamaan kepada guru-guru pendidikan khas yang mempunyai kelayakan bahasa Mandarin untuk mengajar kelas pendidikan khas integrasi di SJKC.

NO. SOALAN: 33

~~31~~
NO AUM : 33
-MO-AU12-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LSSAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LiSAN

DARIPADA TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [
LUBOK ANTU]

TARIKH 11 APRIL 2012

RUJUKAN 4553

SOALAN :

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapakah pihak Kementerian tidak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan projek:-

- (a) pembinaan bangunan ibu pejabat Polis daerah Lubok Antu yang telah tertangguh lebih 2 tahun; dan
- (b) pembinaan bangunan pemeriksaan CIQ di sempadan Lubok Antu dengan Indonesia Badau yang tertangguh lebih setahun.

JAWAPAN:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lubok Antu merupakan salah satu projek pembangunan fizikal Kementerian Dalam Negeri di atas Lot 131 & Lot 94, Lubok Antu, Sarawak yang dilaksanakan secara PFI oleh pihak syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd.

Kementerian komited memantau pelaksanaan projek pembangunan IPD Lubok Antu melalui mesyuarat/ aktiviti berikut:-

1. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Peringkat Kementerian Dalam Negeri (JTPK);
2. Pelaksanaan Projek Anak Angkat Peringkat Kementerian Dalam Negeri;
3. Mesyuarat Penyelaras Projek BLT Peringkat Bahagian Pembangunan; dan
4. Mesyuarat dan lawatan tapak yang dikawalselia oleh Syarikat PBLT Sdn. Bhd.

Sebagai makluman, projek ini dijangka akan siap dan diserah kepada pihak pengguna (PDRM) pada Jun 2012.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kontraktor Penyelamat bagi projek ini telah memulakan kerja di tapak pada 21 Oktober 2010. Walau bagaimanapun, buat masa ini, kontraktor ini telah mengalami kelewatan di tapak dan dikenakan Gantirugi Yang Ditentukan dan Ditetapkan atau *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) sebanyak RM2.821 sehari.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak sangat komited dalam menyiapkan Projek Pembinaan Pos dan Kuarters CIQ Lubok Antu ini. Antara langkah-iangkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

1. Mengeluarkan surat-surat peringatan dan amaran kepada kontraktor supaya mempergiatkan kerja-kerja di tapak;
2. JKR Sarawak telah melaksanakan pemantauan berkala secara dua (2) minggu sekali terhadap projek ini; dan
3. Sebagai penguasa projek, selain mengadakan mesyuarat tapak, JKR Sri Aman juga telah mengatur mesyuarat teknikal bagi memantau kelewatan yang berlaku dalam projek ini.
4. Projek ini dimasukkan sebagai salah satu *projek angkat* yang dipantau rapi oleh Pegawai Kanan Kementerian.

NO SOALAN :

34 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATUK IR HAJI IDRIS
 BIN HAJI
 HARON
 (TANGGA
 BATU)**

**TARIKH 11.04.2012
 (RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sebarang bentuk imbuhan atau insentif bagi Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah tamat berkhidmat tetapi masih beranggapan mereka dalam kaedah tunggu sedia menunggu panggilan kecemasan demi keselamatan negara dari ancaman luar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77 Undang-Undang Malaysia) telah memperuntukkan bahawa seseorang pegawai atau askar laskar yang telah bersara atau menamatkan perkhidmatan, akan dimasukkan ke dalam pasukan Simpanan Angkatan Tetap (SAT) selama tidak melebihi lima tahun mulai dari tarikh bersara. Akta ini juga telah memperuntukkan peraturan di mana pegawai dan anggota SAT boleh dipanggil semula (dikerah) sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tetap (MAT). Selama tempoh kerahan, mereka berhak dibayar gaji dan elaun mengikut pangkat hakiki yang terakhir dipegang semasa dalam perkhidmatan Angkatan Tetap.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)
TARIKH	11.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN **SALLEH BIN KALBI [SILAM]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk mempertingkat kecemerlangan sekolah sukan di negara ini memandangkan pada masa ini hanya Sekolah Sukan Bukit Jalil sahaja yang dilihat lebih menyerlah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan sekolah yang sedia ada untuk melahirkan lebih ramai atlit yang dapat diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) & (b)

Dasar IMurid 1 Sukan yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani dan intelektual adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi tunggak penggubalan dasar pendidikan negara. Justeru, bagi menjayakan dasar tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan prasarana yang mencukupi dapat disediakan termasuklah menambah bilangan sekolah sukan di

negara ini. Sehingga kini terdapat dua buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) yang sedang beroperasi iaitu SSM Bukit Jalil dan SSM Tungku Mahkota Ismail (dahulunya dikenali sebagai SSM Bandar Penawar). KPM juga sedang merancang peluasan dan membina SSM di Perlis, Pahang dan Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga mempunyai lima belas (15) Sekolah Sukan Negeri (SSN) yang mana telah diklusterkan mengikut kecemerlangan bidang Sukan mereka. Dengan erti kata lain, SSN menjadi *feeder school* kepada SSM. Ini untuk memastikan SSM akan sentiasa menerima masuk atlet murid yang matang dan sentiasa bersedia untuk bertanding di peringkat yang lebih tinggi di persada antarabangsa. Murid-murid sekolah ini dipilih melalui Program Mengenalpasti Bakat yang dilaksanakan bersama Sukan Institut Negara, Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Bagi athlet-athlet yang dikenalpasti mempunyai bakat dalam sukan tertentu, mereka dilatih oleh jurulatih yang berkelayakan dari dalam dan luar negeri.

Rjm 106

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.04.2012

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah KWSP telah melakukan kajian penilaian 'risk over investment' berhubung pinjaman yang diberikan kepada FT Foundation untuk Skim Perumahan Awam. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh

NO SOALAN :36

KWSP untuk menjamin pulangan ke atas pinjaman yang dikeluarkan kepada FT Foundation.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemudahan pembiayaan kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) iaitu syarikat SPV dimiliki oleh Yayasan Wilayah Persekutuan ialah RM1.5 bilion. Walau bagaimanapun, hanya RM300 juta diluluskan oleh KWSP bagi pengeluaran pertama. Pengeluaran seterusnya akan dibuat berdasarkan prestasi syarikat SPV tersebut.

2. Mengikut Akta KWSP 1991 Seksyen 26, KWSP dibenarkan untuk melabur

dalam hutang dan pinjaman termasuklah kepada sektor Kerajaan. Semua pinjaman yang diberikan oleh KWSP dibuat berdasarkan pertimbangan komersil dan sentiasa mengutamakan perlindungan simpanan ahli. Semua cadangan pelaburan dikemukakan kepada Panel Pelaburan untuk pertimbangan dan keputusan. Bagi pinjaman kepada syarikat, Akta KWSP 1991 menetapkan bahawa kelulusan Menteri Kewangan diperlukan.

3. Kemudahan pinjaman kepada SPWP ini dibuat berdasarkan pertimbangan komersil dengan jaminan atau sekuriti yang bersesuaian untuk melindungi kepentingan ahli. Jaminan atau sekuriti kemudahan pembiayaan ini adalah seperti berikut:

- (i) Semua unit rumah akan dicaj atau diuntukkan oleh SPWP kepada KWSP, dengan perlindungan jaminan sekurang-kurangnya dua kali ganda amaun pinjaman;
- (ii) Penahanan tunai sebanyak 25% daripada pembayaran pinjaman KWSP kepada SPWP yang akan disimpan dalam akaun rizab kecairan yang diuntukkan kepada KWSP bersama-sama dengan semua peruntukan aliran tunai;
- (iii) SPWP melantik institusi kewangan yang bersesuaian untuk menguruskan pentadbiran pinjaman skim ini bagi memastikan akaun individu diuruskan dengan baik; dan
- (iv) Akujanji daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membeli balik rumah-rumah berkenaan bagi mendapatkan aliran tunai yang diperlukan untuk pembayaran balik pinjaman jika peserta tidak membayar pinjaman.

4. Sebagai rumusan, cadangan pelaburan KWSP dipertimbangkan dengan secara objektif dan profesional dan melalui proses kajian penilaian menyeluruh termasuk risiko-risiko yang ada dan dapat dimitigasi supaya KWSP tidak mengambil risiko pelaburan yang berlebihan yang boleh memberi impak

negatif kepada simpanan ahli dalam jangka masa panjang.

5j-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA YB DATO' MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR)

TARIKH 11 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

YB Dato' Manan bin Ismail (Paya Besar) minta KEMENTERIAN

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan aktiviti songsang ataupun hubungan kaum sejenis adalah amalan yang bercanggah dengan norma masyarakat dan setiap agama.

Justeru itu, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menghadapi isu ini yang semakin berleluasa malahan seolah-olah mendapat 'restu' daripada sesetengah pihak yang mampu mengancam institusi agama dan keluarga di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan sentiasa prihatin kepada isu sosial yang timbul dalam masyarakat, termasuk aktiviti songsang ataupun hubungan sejenis. Dalam menangani isu ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengamalkan pendekatan sinergi multi sektor dalam melaksanakan program pembangunan sosial berteraskan nilai-nilai murni.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh KPWKM dalam membendung aktiviti songsang atau hubungan sejenis adalah dengan penubuhan Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur. Pusat ini diwujudkan pada bulan Ogos 2007 bagi membantu tiga golongan iaitu mak nyah (*transgender*), pekerja seks wanita dan mereka yang berisiko dijangkiti serta menjangkiti HIV/AIDS.

Program ini dijalankan secara perkongsian bijak dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan. PBKS menyediakan tempat persinggahan (*drop-in centre*) serta program pendampingan sosial

(outreach) kepada kumpulan sasarnya. Antara aktiviti yang dijalankan oleh PBKS ialah kaunseling, pendidikan agama, latihan kemahiran, rawatan kesihatan, penjagaan diri dan khidmat sokongan seperti rujukan kepada agensi-agensi berkaitan misalnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Baitulmal/Pusat Zakat dan hospital bagi mendapatkan bantuan kewangan dan rawatan kesihatan.

Pada tahun 2011, program pendampingan sosial yang dijalankan oleh pusat ini mencatatkan 18,332 kehadiran manakala perkhidmatan pusat persinggahan merekodkan sebanyak 2,196 kehadiran.

Tuan Yang di-Pertua,

Modul Kesejahteraan Keluarga turut digunakan untuk melaksanakan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial. Antara tumpuan modul ini ialah aspek seksualiti iaitu nilai dan tanggungjawab seksual seseorang individu. Aspek ini juga menekankan bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan

masyarakat. Selain itu, pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial telah diintegrasikan ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak bulan Jun 2011 di 85 buah kem PLKN. Seramai 84,416 pelatih PLKN telah mendapat manfaat daripada PKRS sehingga Februari 2012.

KPWKM juga telah menubuhkan pusat Kafe@TEEN mulai bulan November 2005. Pusat ini yang disasarkan kepada remaja yang berumur antara 13 hingga 24 tahun, bertujuan untuk memberi maklumat berkaitan isu psikososial, kemahiran hidup, nasihat klinikal, kaunseling keluarga serta konsultasi orientasi seksual (kaunseling perhubungan antara jantina). Melalui program ini, remaja berpeluang mendapat bimbingan dan nasihat daripada doktor dan kaunselor terlatih yang ditempatkan di pusat ini. Pada masa ini, KPWKM mempunyai enam buah Pusat Remaja Kafe@TEEN iaitu dua di Kuala Lumpur, dua di Pulau Pinang, dan satu setiapnya di Negeri Sembilan dan Kelantan. Bagi tempoh bulan November 2005 hingga Disember 2011, seramai 278,556 orang remaja telah didekati melalui 4,886 program/aktiviti pendampingan sosial yang dijalankan.

Kekukuhan institusi keluarga merupakan benteng dan asas kekuatan masyarakat dalam menghadapi isu sosial termasuklah aktiviti songsang atau hubungan sejenis. Menyedari hal ini, KPWKM telah memperkenalkan program Ilmu Keluarga@LPPKN bermula pada tahun 2002. Program ini merupakan kursus pembangunan keluarga untuk meningkatkan kemahiran keibubapaan, persediaan perkahwinan, pemantapan institusi keluarga serta pembangunan remaja dengan tumpuan kepada jati diri remaja dalam mengharungi cabaran. Kursus ini dijalankan setiap bulan di semua negeri. Bagi tempoh 2006 hingga bulan Disember 2011, sejumlah 6,753 kursus telah dijalankan dengan penyertaan 728,675 orang peserta.

Kemahiran ibu bapa membahagikan masa antara pekerjaan dan tanggungjawab keluarga amat penting dalam melahirkan suasana keluarga yang harmoni dan sihat. Suasana keluarga yang harmoni mempengaruhi kestabilan emosi anak-anak sehingga mereka terhindar dari sebarang bentuk gejala sosial. Menyedari perkara ini, KPWKM telah melaksanakan program *Parenting@Work* yang dikhkususkan kepada ibu bapa yang bekerja sama ada di sektor awam atau swasta. Program ini bermula pada tahun 2007 dengan matlamat membantu ibu bapa mengimbangi tanggungjawab

kerja dan keluarga. Antara aspek yang diliputi dalam program ini ialah cara gaya keibubapaan kreatif dan pengurusan konflik agar ibu bapa berupaya mengendalikan anak remaja mereka. Bagi tempoh 2007 hingga bulan Disember 2011, sejumlah 459 program telah dijalankan di pejabat kerajaan, swasta dan NGO yang memberi manfaat kepada seramai 19,856 orang ibu bapa.

NO.SOALAN: dQr

32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH 11 APRIL 2012

SOALAN:

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini dalam kajian dan persempadanan semula bagi bahagian-bahagian Pilihan raya Persekutuan dan Negeri sejak kali terakhirnya disempurnakan pada tahun 2003 (bagi Semenanjung dan

NO.SOALAN: 36

Sabah) dan 2005 (Sarawak).

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Semenanjung Tanah Melayu dan Sabah. Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum ianya dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual keTiga Belas Perlembagaan.

Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (iii) Perlembagaan Persekutuan selepas SPR mewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang

NO.SOALAN: 36

tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Bagi negeri Sarawak, urusan persempadanan terakhirnya ialah pada 10 Jun 2005 dan mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan persempadanan semula bagi negeri Sarawak hanya boleh dilakukan pada 10 Jun 2013 akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
 [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH 11 APRIL 2012

SOALAN

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan projek pembinaan Hospital Shah Alam yang tertangguh dijangka menyediakan 300 katil sedangkan penduduk adalah lebih 500,000 orang. Bagaimanakah Kementerian menentukan nisbah bilangan hospital serta keperluannya seperti ubat, katil, jururawat, dan doktor dengan jumlah penduduk di sesuatu kawasan.

NO. SO ALAN: 40

Tuan Yang di-Pertua

Di dalam merancang dan menentukan kapasiti sesebuah hospital baru yang bakal dibangunkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meneliti dan mengambil kira pelbagai faktor, antaranya, termasuklah bilangan dan

kepadatan penduduk (*catchment area*), kemudahan kesihatan sedia ada, sama ada hospital Kerajaan atau swasta terdapat di dalam lingkungan *catchment area*, sistem pengangkutan/jalan raya, status sosio-ekonomi penduduk dan, tidak ketinggalan, pelan perancangan peningkatan perkhidmatan kesihatan di seluruh Negara yang akan berkongsi sumber yang sama.

Hospital Shah Alam, ketika ini, dibina dengan kapasiti 300 katil dengan ruang penyediaan infrastruktur yang mencukupi bagi menampung pertambahan katil sehingga 500 katil di masa hadapan. Dalam menentukan skop projek ini, perkhidmatan yang terdapat di hospital-hospital Kerajaan dan swasta yang berhampiran telah diambil kira, termasuk perkongsian sumber anggota terlatih yang dapat disediakan oleh pihak Kerajaan. Ini bagi memastikan kemudahan fizikal yang dibangunkan kelak dapat digunakan atau dimanfaatkan secara optima dan dapat mengelakkan pembaziran sumber Kerajaan. Dengan adanya infrastruktur yang telah tersedia, pertambahan ruang bagi meningkatkan bilangan katil pesakit akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua

Tujuan asal pembinaan Hospital Shah Alam adalah untuk mengurangkan

kesesakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang. Pada asalnya, hospital ini dirancang untuk mempunyai 500 katil tetapi setelah penilaian dibuat dengan mengambil kira pelbagai aspek, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri membuat keputusan agar hospital ini dibina dengan hanya 300 buah katil sahaja. Bagaimanapun, terdapat ruang kosong yang disediakan untuk tambahan 200 buah katil. Kemudahan infrastruktur, sokongan klinikal dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan mampu untuk menyokong keperluan sebuah hospital dengan 500 buah katil.

Tuan Yang Di Pertua

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan norma 2 buah katil bagi setiap 1,000 populasi. Berdasarkan nisbah ini, populasi Daerah Petaling yang berjumlah 1,812,633 orang (band 2010) dianggarkan memerlukan sebanyak lebih kurang 3,600 buah katil.

Di dalam Daerah Petaling terdapat sejumlah 32 buah hospital dan lain-lain kemudahan kesihatan dengan kemudahan katil iaitu 24 hospital swasta, 4 pusat / hospital bersalin, 1 hospital universiti dan 3 hospital Kerajaan termasuklah Hospital Shah Alam yang sedang dalam pembinaan dengan jumlah katil keseluruhan sebanyak 4,671 buah. Daripada jumlah katil tersebut, setiap satu katil adalah untuk setiap 390 populasi dalam Daerah Petaling, bermakna norma katil kepada populasi yang ditetapkan oleh KKM telah tercapai.

Bagi menentukan keperluan ubat, jumlah jururawat dan doktor untuk sesuatu hospital, semua ini bergantung kepada jenis perkhidmatan yang disediakan.

No. SOA-LAc*j ; U.Q

~~NO. FFM : 44~~

~~-NO-AUP-~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [
KUALA NERUS]**

TARIKH 11 APRIL 2012

RUJUKAN 4554

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan bagi menjaga kebajikan dan memulihkan pesalah-pesalah dadah yang ditahan di pusat-pusat serenti serta penjara di seluruh negara bagi tempoh 3 tahun terakhir.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat-Pusat Serenti di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) kini telah dikenali sebagai Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN).

Jumlah keseluruhan kos perbelanjaan bagi tiga (3) tahun bermula 2009 sehingga 2011 di seluruh Pusat Pemulihan AADK dan Penjara di Malaysia bagi menjaga kebajikan, rawatan, perubatan dan pemulihan para pesalah dadah adalah sebanyak RM901 juta. Jumlah ini terdiri daripada RM323 juta dibelanjakan oleh AADK dan baki sebanyak RM578 juta dibelanjakan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

Jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh AADK pada tahun 2009 adalah sebanyak RM111 juta, tahun 2010 sebanyak RM95 juta dan tahun 2011 pula mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM117 juta.

Bagi Jabatan Penjara Malaysia, jumlah perbelanjaan bagi tahun 2009 adalah RM174 juta, tahun 2010 adalah RM200 juta dan tahun 2011 pula adalah sebanyak RM204 juta.

Jumlah ini melibatkan perbelanjaan untuk bayaran gaji, elaun, penyediaan makanan, kemudahan asas, bil utiliti, latihan, pembelajaran, rawatan, perubatan, pengangkutan, komunikasi dan lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

/</o SoauataJ: 4- 1*

PERTANYAAN LISAN

NO AUM :42-

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH 11 APRIL 2012

RUJUKAN 4555

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan ke atas letupan tiga butir bom semasa berlakunya perhimpunan aman di hadapan Kompleks Mahkamah Jalan Duta pada 9 Januari 2012 yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, terdapat 3 laporan polis telah dibuat berhubung kejadian letupan di perkarangan Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur pada 9 Januari

2012. Ketiga-tiga kes tersebut diklasifikasikan di bawah Seksyen 7 Akta Bahan Letupan 1957 dan pada masa ini masih lagi dalam siasatan polis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA **Datuk Seri Panglima Wilfred
Mojilip Bumburing [Tuaran]**

TARIKH **11 April 2012 (Rabu)**

SOALAN **42**

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan ke atas tindakan MAS membatalkan beberapa laluan penerbangan dari Sabah ke beberapa destinasi antarabangsa dan dalam negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi pendirian Kerajaan untuk sentiasa menggalakkan syarikat penerbangan untuk mengekal dan menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan dari Sabah ke beberapa destinasi antarabangsa dan dalam negeri. Walau bagaimanapun, disebabkan kerugian yang tinggi dicatatkan oleh MAS dalam menyediakan perkhidmatan penerbangan ke destinasi-destinasi tersebut telah menyebabkan syarikat penerbangan tersebut terpaksa membatalkan penerbangan tersebut. Tindakan MAS membatalkan beberapa laluan penerbangan dari Sabah ke beberapa destinasi antarabangsa dan dalam negeri adalah merupakan satu keputusan komersil (*commercial consideration*) syarikat penerbangan tersebut yang ditentukan berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR

TARIKH 11 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan jenis kes undang-undang yang melibatkan pertikaian Kerajaan Negeri dan Pusat. Apakah isu-isu federalisme yang diperakui wujud oleh pihak Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaiannya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mengamalkan sistem federalism sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, yang mana Persekutuan dan Negeri masing-masing mempunyai kuasa yang berasingan dan tersendiri. Bagi sebuah negara yang majmuk dan berbilang kaum, serta mengambil kira hak dan kepentingan kesemua 13 negeri di Malaysia, sistem federalism ini mengiktiraf kewujudan satu identiti yang sama bagi semua rakyat Malaysia.

2. Dalam keadaan di mana kuasa perundangan dan kuasa eksekutif dibahagikan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, perbezaan pandangan dan kepentingan antara keduanya bukanlah suatu perkara yang ganjil.

3. Antara kes yang berkaitan dengan pembahagian kuasa perundangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ialah kes **Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v. Nordin Bin Salleh & Anor [1992] 1 MLJ 697**. Dalam kes ini, isu yang timbul adalah sama ada Perlembagaan Kelantan yang memperuntukkan mengenai sekatan hak asasi ahli Dewan Undangan Negeri untuk berhenti menjadi ahli sesebuah parti politik adalah tidak sah dan terbatal kerana ia melanggar Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak asasi berpersatuan. Mahkamah Agong telah memutuskan bahawa peruntukan mengenai sekatan hak asasi dalam Perlembagaan Kelantan tersebut adalah tidak sah kerana ia adalah suatu perkara undang- undang yang hanya boleh dibuat oleh Parlimen. Hak untuk berpersatuan adalah termasuk hak untuk keluar dari persatuan itu dan, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan, apa-apa sekatan ke atas hak ini hanya boleh dibuat oleh Parlimen.

3. Selain itu, isu berkaitan dengan pembahagian kuasa eksekutif antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga menimbulkan perbezaan pandangan antara kedua-duanya. Isu ini telah dibincangkan dalam kes **Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar & Anor v. Kajing Tubek & Ors & Other Appeals [1997] 4 CLJ 253** iaitu mengenai sama ada kuasa eksekutif untuk mengawal penghasilan, pembekalan dan pengagihan kuasa, termasuk kuasa hidro-elektrik terletak di bawah Akta

Kualiti Alam Sekeliling 1974 (undang-undang Parlimen) atau Ordinan Sumber Asli 1949 (undang-undang Negeri Sarawak). Mahkamah Rayuan dalam kes ini memutuskan bahawa dalam menentukan bidang kuasa perundangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (yang seterusnya akan menentukan kuasa eksekutif masing-masing) undang- undang yang dibuat oleh Parlimen dan dewan undangan Negeri hendaklah dibaca dengan cara yang tidak menimbulkan apa-apa ketidakselarasan atau percanggahan antaranya.

4. Dalam kes Kajing Tubek ini, kedua-dua Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Sarawak mempunyai kuasa perundangan untuk membuat undang-undang berkenaan dengan penghasilan dan pembekalan kuasa, yang termasuklah kuasa hidro-elektrik. Walau bagaimanapun, dalam kes tersebut tempat di mana kuasa hidro-elektrik tersebut dijanakan adalah tanah dan air, atau “alam sekitar” yang terletak sepenuhnya dalam bidang kuasa perundangan dan eksekutif Negeri (Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan). Sehubungan dengan itu, Mahkamah telah memutuskan bahawa kuasa autoritatif tersebut terletak di bawah Ordinan Sumber Asli 1949.

5. Isu-isu federalism antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sememangnya wujud dan diperakui. Justeru, Perlembagaan Persekutuan sendiri memperuntukkan langkah-langkah penyelesaian isu-isu sedemikian. Ini termasuklah mekanisme rundingan bagi menyelesaikan apa-apa pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui beberapa Majlis yang telah ditubuhkan di bawah Perlembagaan, iaitu Majlis Kewangan Negara berhubung dengan isu-isu kewangan, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan berhubung dengan pembangunan, kemajuan dan pentadbiran kerajaan tempatan dan Majlis Tanah Negara berhubung dengan

isu-isu pembangunan dan penggunaan tanah di seluruh negara.

6. Selain itu, mekanisma rundingan juga boleh dilaksanakan melalui badan-badan lain yang ditubuhkan di bawah undang-undang seperti Majlis Kualiti Alam Sekeliling yang ditubuhkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Majlis Sukan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971. Majlis ini merupakan suatu forum bagi memastikan kepentingan kedua-dua Persekutuan dan Negeri dapat dibincangkan dan diselesaikan secara baik.

7. Di samping itu, Perkara 79 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah berunding sekiranya terdapat Rang Undang-Undang atau pindaan kepada Rang Undang-Undang yang mencadangkan suatu perubahan dalam mana-mana perkara yang diletakkan di bawah kuasa perundangan bersama antara kedua-duanya (Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan) atau mana-mana perkara yang diletakkan di bawah kuasa perundangan Negeri (Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan). Melalui forum ini, apa-apa perbezaaan pendirian yang mungkin ada bolehlah dirundingkan dengan teratur.

7. Akhir sekali, sekiranya konflik atau pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak dapat diselesaikan di meja rundingan, pihak-pihak bolehlah merujukkan pertikaian tersebut kepada Mahkamah Persekutuan yang mempunyai bidang kuasa terhadap pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan.

SOALAN MOA2

SOALAN NO.42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT ^

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]**

TARIKH 11 APRIL 2012

SOALAN:

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik peningkatan jumlah pengundi mengikut pecahan di setiap negeri sejak 2008 dan juga bagi DUN di negeri Sabah dalam suku tahun 2011.

SOALAN NO.42

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik peningkatan jumlah pengundi mengikut pecahan di setiap negeri sejak 2008 adalah seperti di LAM PI RAN 1.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah pengundi bagi DUN di negeri Sabah dalam setiap suku tahun 2011 adalah seperti di LAM PI RAN 2.

SOALAN NO.42

Sekian, terima kasih.

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA STATISTIK PERTAMBAHAN DPI 2007 (PRU12) DENGAN
DPI ST4/2011**

LAMPIRAN 2

BIL	NEGERI	DPI 2007 (PRU-12)	DPI SEHINGGA ST4/2011	PERTAMBAHAN	%
1	PERLIS	120,081	131,725	11,644	9.70
2	KEDAH	873,674	994,352	120,678	13.81
3	KELANTAN	751,682	872,614	120,932	16.09
4	TERENGGANU	521,597	611,583	89,986	17.25
5	PULAU PINANG	709,322	811,750	102,428	14.44
6	PERAK	1,196,160	1,361,001	164,841	13.78
7	PAHANG	603,242	705,446	102,204	16.94
8	SELANGOR	1,565,494	1,906,008	340,514	21.75
9	W.P KUALA LUMPUR	687,451	760,578	73,127	10.64
10	W.P PUTRAJAYA	6,608	13,179	6,571	99.44
11	NEGERI SEMBILAN	462,015	525,986	63,971	13.85
12	MELAKA	371,594	423,070	51,476	13.85
13	JOHOR	1,312,120	1,525,444	213,324	16.26
14	W.P LABUAN	20,783	23,786	3,003	14.45
15	SABAH	807,862	904,506	96,644	11.96
16	SARAWAK	912,454	1,024,240	111,786	12.25
JUMLAH KESELURUHAN		10,922,139	12,595,268	111,786	15.32

STATISTIK DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BAGI TAHUN 2011 BAGI NEGERI SABAH

LAMPIRAN 2

PARLIMEN	DUN	SUKU 1	SUKU 2	SUKU 3	SUKU 4
167 KUDAT	N.01 BANGGI	305	167	144	328
167 KUDAT	N.02 TANJONG KAPOR	542	551	449	790
167 KUDAT	N.03 PITAS	176	243	633	587
168 KOTAMARUDU	N.04 MATUNGGONG	506	659	395	720
168 KOTAMARUDU	N.05 TANDEK	442	769	402	689
169 KOTA BELUD	N.06 TEMPASUK	362	546	411	584
169 KOTA BELUD	N.07 KADAMAIAN	343	578	397	604
169 KOTA BELUD	N.08 USUKAN	278	616	367	790
170 TUARAN	N.09 TAMPARULI	386	284	399	326
170 TUARAN	N.10 SULAMAN	573	597	289	374
170 TUARAN	N.11 KIULU	350	214	253	258
171 SEPANGGAR	N.12 KARAMBUNAI	743	2,208	767	1,047
171 SEPANGGAR	N.13 INANAM	467	686	623	599
172 KOTA KINABALU	N.14 LIKAS	91	178	259	141
172 KOTA KINABALU	N.15 API-API	136	118	80	516
172 KOTA KINABALU	N.16 LUYANG	209	284	430	362
173 PUTATAN	N.17 TANJONG ARU	345	622	328	486
173 PUTATAN	N.18 PETAGAS	219	1,351	135	1,134
174 PENAMPANG	N.19 KAPAYAN	497	691	863	815
174 PENAMPANG	N.20 MOYOG	405	410	294	468
175 PAPAR	N.21 KAWANG	469	971	518	845
175 PAPAR	N.22 PANTAI MANIS	270	314	257	468
176 KIMANIS	N.23 BONGAWAN	455	665	272	420
176 KIMANIS	N.24 MEMBAKUT	226	352	164	347
177 BEAUFORT	N.25 KLIAS	120	506	233	388
177 BEAUFORT	N.26 KUALA PENYU	129	280	215	340

178 SIPITANG	N.27 LUMADAN	105	606	333	389
178 SIPITANG	N.28 SINDUMIN	110	414	384	558
179 RANAU	N.29 KUNDASANG	281	390	505	483
179 RANAU	N.30 KARANAAN	169	238	296	227
179 RANAU	N.31 PAG I NATAN	641	405	249	330
180 KENINGAU	N.32 TAMBUNAN	169	350	372	359
180 KENINGAU	N.33 BINGKOR	246	402	187	497
180 KENINGAU	N.34 LIAWAN	347	393	333	409
181 TENOM	N.35 MELALAP	246	361	341	374
181 TENOM	N.36 KEMABONG	247	684	389	416
182 PENSIANGAN	N.37 SOOK	361	812	379	444
182 PENSIANGAN	N.38 NABAWAN	178	435	236	493
183 BELURAN	N.39 SUGUT	146	474	284	303
183 BELURAN	N.40 LABUK	436	428	379	525
184 LIBARAN	N.41 GUM-GUM	555	191	235	191
184 LIBARAN	N.42 SUNGAI SIBUGA	1,346	856	546	851
185 BATUSAPI	N.43 SEKONG	507	847	367	496
185 BATUSAPI	N.44 KARAMUNTING	256	560	213	601
186 SANDAKAN	N.45 ELOPURA	603	772	595	675
186 SANDAKAN	N.46 TANJONGPAPAT	143	313	196	220
187 KINABATANGAN	N.47 KUAMUT	437	483	374	622
187 KINABATANGAN	N.48 SUKAU	268	684	310	488
188 SILAM	N.49 TUNGKU	261	303	536	446
188 SILAM	N.50 LAHADDATU	506	984	610	656
188 SILAM	N.51 KUNAK	471	161	246	447
189 SEMPORNA	N.52 SULABAYAN	395	193	264	340
189 SEMPORNA	N.53 SENALLANG	263	243	297	557
189 SEMPORNA	N.54 BUGAYA	520	584	595	874
190 TAWAU	N.55 BALUNG	281	588	280	524
190 TAWAU	N.56 APAS	319	545	450	525

190 TAWAU	N.57 SRITANJONG	311	465	460	499
191 KALABAKAN	N.58 MEROTAI	387	741	352	709
191 KALABAKAN	N.59 TANJONGBATU	446	627	389	883
191 KALABAKAN	N.60 SEBATIK	95	320	245	276
JUMLAH KESELURUHAN		21,096	31,712	21,804	31,113

AS

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA

TARIKH

11 APRIL 2012

SOALAN

:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah elauan bulanan yang diterima oleh Pengurus FELDA beserta segala insentif dan keistimewaan yang beliau terima.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengerusi FELDA menerima elaun bulanan daripada FELDA sebanyak RM5,500 dengan caruman Wang Simpanan Pekerja (KWSP) majikan berjumlah 17.5 peratus (%) manakala caruman pekerja berjumlah 11% daripada elaun bulanan. Kemudahan lain yang diterima oleh Pengerusi FELDA ialah kemudahan kereta dan pemandu, pembantu rumah (RM1.000 sebulan), tukang kebun (RM650 sebulan), rawatan perubatan bagi diri dan keluarga, keselamatan dan lain-lain kemudahan yang diberikan kepada kakitangan FELDA.

Selain itu juga, Pengerusi FELDA turut menerima elaun daripada anak syarikat FELDA iaitu FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) iaitu elaun bulanan berjumlah RM20,000 sebulan, tuntutan keraian berjumlah RM2,000 sebulan, tuntutan *leave passage* iaitu melancung dalam/luar negara berjumlah RM 30,000 setahun dan kemudahan kenderaan rasmi iaitu Mercedes-Benz E250 dan Toyota Harrier

oooooooooooooooooooo

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN

SOALAN NO:

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]

TARIKH

11 April 2012 (RABU)

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan jumlah pampasan kepada nelayan-nelayan di Pulau Pinang yang terjejas akibat pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dan nyatakan sama ada semua nelayan-nelayan terlibat telah mendapat pampasan

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI Tuan Yang DiPertua,

Seramai 2,496 nelayan telah menerima sagu hati yang berjumlah RM4.96 juta berikutan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Bayaran pertama telah dibuat pada 29 November 2011 yang melibatkan 2,417 nelayan dengan jumlah bayaran sebanyak RM4.74 juta. Manakala bayaran kedua telah dibuat pada 15 Disember 2011 yang melibatkan 14 nelayan dengan jumlah bayaran sebanyak RM106 ribu. Bayaran ketiga pula dibuat pada 16 Januari 2012 yang melibatkan 65 nelayan dengan jumlah bayaran sebanyak RM113 ribu.

Seterusnya, bayaran sagu hati berjumlah RM96 ribu kepada 53 nelayan sedang diproses manakala bayaran sagu hati berjumlah RM766 ribu kepada 388 nelayan belum dilaksanakan kerana masih dalam proses siasatan. Siasatan dilaksanakan kerana terdapat nelayan yang mempunyai pekerjaan tetap lain, lesen menangkap ikan tamat tempoh, nelayan telah meninggal dunia, nelayan sangkar yang telah menerima pampasan awal dari Jambatan Kedua Sdn Bhd dan nelayan yang mempunyai kesalahan dan menyalahi peraturan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) seperti menyalahgunakan kad e-Nelayan.

SOALAN NO. 10

bpK

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)

TARIKH 11 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan kadar kemiskinan penduduk di negara ini dan apakah usaha yang sedang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mencapai tahap negara kemiskinan sifar
JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan data yang dikumpul oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, kadar kemiskinan negara berada pada tahap 3.8%. Sebagai kerajaan yang prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan miskin (tidak kira mereka yang berada di bandar atau luar bandar), pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), telah menyalurkan bantuan kebajikan berjumlah RM1.353 bilion bagi membantu 473,928 orang penerima dari golongan miskin dan mereka yang memerlukan sepanjang tahun 2011.

Selain itu, Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, yang diterajui oleh KPWKM, pihak kerajaan telah berjaya membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2010 di mana sejumlah 44,643 Ketua Isi Rumah (KIR) telah berjaya dikeluarkan daripada kategori miskin tegar melalui Program 1AZAM. Walau bagaimanapun, isu kemiskinan adalah satu perkara yang dinamik di mana setiap hari akan ada pendaftaran kemasukan KIR miskin tegar yang baru dan KIR miskin tegar yang terkeluar. Sehubungan itu, KPWKM selaku peneraju akan sentiasa

memberikan perhatian terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah dan memastikan tiada rakyat Malaysia yang miskin, tercicir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan.

Antara langkah yang diambil ialah penawaran Program 1AZAM kepada ketua isi rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang berdaftar di bawah sistem eKasih dan penerima bantuan JKM. Program 1AZAM ialah program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah menerusi peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Program 1AZAM mengandungi 4 komponen iaitu AZAM Tani yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, AZAM Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia serta AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di mana Amanah Ikhtiar Malaysia bertindak sebagai agensi pelaksana. Selain itu, selaku peneraju NKRA LIH,

Program 1AZAM juga ditawarkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan golongan berpendapatan rendah yang tidak berdaftar di bawah sistem eKasih. Sehingga 5 Mac 2012, sejumlah 69,048 orang KIR di seluruh negara telah menyertai Program 1AZAM.

NO
SOALAN

4\$

PEMBERI
TAHUAN
PERTANY
AAN
DARIPADA
~~YB DATO' SERI ANWAR BIN~~
RAKYAT
IBRAHIM (PERMATANG PAUH)
MALAYSI
A
TARIKH
LISAN

11.04.2012

Y.B. DATO¹ SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai sebenar pengecualian cukai, pinjaman dan lain-lain insentif yang diberikan kepada pelabur-pelabur asing dalam tempoh 2008-2011, dan nyatakan pulangan bersih Pelaburan Langsung Asing (FDI) kepada negara bagi tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai langkah berterusan untuk menggalakkan pelaburan langsung dari dalam (DDI) dan luar negara (FDI) ditempatkan di Malaysia, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk insentif dalam bentuk fiskal dan bukan fiskal. Antara insentif utama yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986.

2. Selain itu, Kerajaan juga turut menawarkan Skim Galakan Istimewa (

pre-packaged incentive) yang mengandungi pelbagai jenis galakan termasuk bukan fiskal seperti geran dan pinjaman berdasarkan perbincangan dengan bakal pelabur bagi projek-projek yang disasarkan untuk memberi signifikan impak kepada Negara seperti produk/aktiviti berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berasaskan pengetahuan dan mempunyai nilai rantaian yang memberi manfaat kepada ekonomi negara dalam jangka panjang.

3. Bagi tempoh 2008 hingga 2011, sebanyak 3,441 projek perkilangan dengan jumlah pelaburan RM198.7 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 1,287 projek diluluskan dengan galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM96.5 bilion. Majoriti kelulusan projek dengan galakan adalah milik rakyat Malaysia melibatkan 934 projek sementara projek milik asing pula melibatkan 339 projek.

4. Disamping galakan tersebut diatas, Skim Galakan Istimewa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 juga telah disediakan dimana sebanyak 96 projek melibatkan jumlah pelaburan bernilai RM48.06 bilion telah diluluskan galakan disamping pemberian geran bernilai RM1.54 bilion dan pinjaman bernilai RM1.45 bilion. 73 projek daripada jumlah projek terlibat adalah milikan asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM37.19 bilion. Manakala baki 23 projek adalah merupakan milikan rakyat Malaysia melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM10.87 bilion.

5. Bagi tempoh 2008 hingga 2011, pemberian pengecualian cukai pendapatan melibatkan cukai terkorban seperti berikut:

Tahun Taksiran	Kehilangan Hasil (RM)
2008	4.275 billion
2009	3.735 bilion
2010	4.271 bilion
2011 ¹	426 juta

6. Sungguhpun pemberian galakan melibatkan sejumlah cukai terkorban, tetapi pada hakikatnya Negara mendapat pelbagai faedah daripada perlaksanaan pelaburan langsung antaranya:

i. Mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 363,355 dalam perbagai sektor terutamanya sektor pembuatan, dan perkhidmatan bagi tempoh 2008 hingga 2011;

ii. Penerokaan di dalam industri baru yang berteknologi tinggi seperti industri solar dan industri aeroangkasa;

iii. Pengukuhan aktiviti *Research & Development* (R&D) di Malaysia dengan pemindahan teknologi ke dalam Negara;

iv. Merangsang pembangunan vendor/komponen tempatan dengan menggalakkan syarikat MNC's untuk mendapatkan bahan mentah di kalangan pengeluar tempatan. Disamping itu, ia juga menyokong pembangunan sub-sektor perkhidmatan seperti penyedia logistik tempatan; dan

v. Menjadikan Malaysia sebagai Hub Operasi Global dimana syarikat yang telah diluluskan galakan turut menjadikan Malaysia sebagai Hub

1 Berdasarkan tarikh akhir pengembalian borang nyata cukai pendapatan syarikat bagi tahun taksiran 2011 adalah pada 31 Julai 2012.

Pengeluaran Global mereka. Ini akan menggalakkan pertumbuhan penyediaan perkhidmatan tempatan termasuk logistik dan penggunaan bahan mentah tempatan.

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.04.2012

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kedudukan terkini jumlah hutang negara, kos membayar hutang negara dan semua contingent liabilities yang perlu ditanggung oleh Kerajaan setakat Februari, 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438.0 bilion atau 96.0 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4.0 peratus merupakan hutang luar negeri. Jumlah hutang luar negeri yang rendah adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri yang mempunyai kecairan yang tinggi, kos pinjaman yang lebih rendah serta dapat meminimumkan risiko pertukaran mata wang asing.

2. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pembayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual ditetapkan. Sehingga kini, Kerajaan telah membayar balik semua hutang dengan teratur. Ini adalah hasil daripada pendekatan pengurusan hutang yang berhemat di mana pinjaman hanya dibuat setelah mengambil kira kemampuan membayar balik. Pada tahun 2011, jumlah bayaran khidmat hutang adalah sebanyak RM17.7 bilion atau 9.7 peratus daripada perbelanjaan mengurus.

3. Selain daripada itu, Kerajaan dari semasa ke semasa memberikan jaminan

kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. SOALAN NO : 50
Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

4. Pinjaman berkenaan digunakan untuk membiayai projek strategik yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat termasuk projek pembangunan modal insan, bekalan air dan elektrik serta pengangkutan awam.

5. Sehingga 31 Disember 2011, jumlah contingent liability Kerajaan Persekutuan iaitu baki pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan adalah sebanyak RM116.76 bilion terdiri daripada pinjaman domestik RM109.14 bilion (93.5%) dan pinjaman luar RM7.62 bilion (6.5%). Jaminan berkenaan melibatkan 2 badan berkanun dan 26 syarikat berkaitan Kerajaan.

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	: YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
KAWASAN	SIBUTI 11 APRIL
TARIKH	2012 (RABU)

SOALAN:

YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Jalan Persekutuan di seluruh negeri Sarawak kepada Laluan Lorong 2 Hala (Dual Carriageway) dan adakah terdapat perancangan atau pelan pembangunan rangkaian jalan raya menghubungkan Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan Persekutuan sememangnya amat komited dan memberikan keutamaan tinggi untuk meningkatkan rangkaian sistem jalan raya di Sabah dan Sarawak, khususnya di sepanjang Jalan Persekutuan Pan- Borneo dan jalan Persekutuan yang menghubungkan bandar-bandar utama di negeri-negeri tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan untuk membina dan menaik taraf Jalan Persekutuan di kedua-dua negeri tersebut adalah berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuh Raya Malaysia atau Highway Network Development Plan (HNDP), Fasa 2 yang diterbitkan pada tahun 2010. Melalui kajian itu, Kerajaan telah mengenal pasti rancangan dan keperluan untuk menaikkan taraf Jalan Persekutuan Utama sepanjang 2,325 kilometer di Sabah dan Sarawak, melibatkan anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM16 bilion. Berikutan daripada kemampuan kewangan Kerajaan yang terhad, projek berkenaan perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan Malaysia 5 Tahun.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Dalam RMKe-10 ini, tumpuan Kerajaan ialah untuk melaksanakan projek menaik taraf Jalan Pan Borneo dengan anggaran kos projek keseluruhan sebanyak RM423 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM100 juta telah diluluskan pada tahun ini (2012) manakala bakinya akan dibelanjakan secara berperingkat untuk tempoh 3 tahun (2013 - 2015). Antara laluan terlibat ialah jajaran jalan dari Miri-Sindumin, Miri- Bintulu dan Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau. Di samping itu, sebanyak 56 projek kecil bernilai antara RM200,000 hingga RM2 juta juga telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di sepanjang Jalan Pan-Borneo pada tahun ini. Projek-projek tersebut ialah cadangan pembaikan turapan jalan, membina lorong memotong, membaik pulih kawasan mudah banjir dan menaik taraf lokasi sering berlaku kemalangan (blackspot). Ia akan dimulakan dalam tempoh masa terdekat ini dan dijangka siap selewat- lewatnya pada akhir tahun 2012.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No :]

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)
TARIKH	11.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah dilindungi oleh insurans sekiranya ada nyatakan skim perlindungan insurans yang telah ditawarkan kepada para pelajar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM) mula dilaksanakan pada 4 Disember 1995. TPSM melindungi lebih 5 juta murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dengan bayaran sebanyak RM1.50 bagi seorang murid setahun. Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2006 bertarikh 30 Mei 2006 perlindungan ini diperluaskan kepada murid-murid prasekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan. Skim ini menyediakan perlindungan 24 jam sehari semalam dan meliputi seluruh dunia.

Skim TPSM ini melindungi kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh kemalangan luaran yang hebat dan tidak sengaja dengan cara yang boleh dilihat iaitu bebas daripada lain-lain sebab yang menyebabkan:

- i. **Kematian berlaku dalam tempoh 12 bulan bersabit kecederaan tubuh badan akibat daripada kemalangan.**
- ii. **Lumpuh berkekalan seluruh badan akibat kemalangan.**
- iii. **Terpisah atau putus anggota dari badan atau kehilangan penglihatan akibat kemalangan seperti berikut:**
 - Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan atau
 - Kedua-dua belah kaki di atas buku lali atau
 - Kehilangan kekal penglihatan yang berkekalan kedua-dua belah mata, akibat kemalangan.
- iv. **Khairat kematian, mati akibat sakit biasa.**
- v. **Elaun wang tunai hospital bagi setiap hari selama tempoh dimasukkan ke Hospital Kerajaan/Swasta disebabkan oleh kemalangan sehingga maksima 60 hari berturut-turut mulai daripada tarikh masuk wad.**

Jadual Manfaat Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM):

Skop Perlindungan	Amaun Manfaat (RM)
natian akibat kemalangan	5,000.00
npuh berkekalan seluruh badan akibat kemalangan	15,000.00
Terpisah atau putus anggota dari badan atau kehilangan penglihatan akibat kemalangan seperti berikut; Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan atau Kedua-dua belah kaki di atas buku lali atau Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata, akibat kemalangan. Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan atau penglihatan, maka amaun manfaatnya adalah sebanyak 50% daripada RM15,000.00	15,000.00

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran MyKid adalah untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun yang bertaraf warganegara sahaja. Oleh itu, sekiranya pengangkatan dibuat bagi kanak-kanak yang bertaraf warganegara, maka permohonan MyKid boleh dikemukakan di mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran dengan kediaman. Bagi pengangkatan kanak-kanak

yang bertaraf bukan warganegara pula, hanya Sijil Pengangkatan sahaja yang dikeluarkan.

NO SOALAN :J0?PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

53

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH

11 APRIL 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci ke mana wang yang disalurkan sebanyak RM6 bilion yang dipinjam oleh FELDA dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), apakah syarat-syarat pinjaman yang dikenakan oleh KWSP dan nyatakan juga berapakah jumlah terkini rezab tunai FELDA dan benarkah dakwaan bahawa kewangan FELDA berada pada tahap kritikal.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 24 Disember 2009, FELDA telah menandatangani perjanjian dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) iaitu ‘*Facility Agreement*’, ‘*Asset Purchase Agreement*’ dan ‘*Asset Sale Agreement*’ bagi pembiayaan Bai’Inah berjumlah RM6,502.4 juta. Daripada jumlah pembiayaan tersebut, RM3,597.60 juta digunakan untuk menampung keperluan FELDA manakala bakinya sebanyak RM2,902.40 juta digunakan untuk Kumpulan Felda Global bagi tempoh 10 tahun. Jumlah pembiayaan yang telah dikeluarkan sehingga kini adalah sebanyak RM3,550 juta di mana RM1,715 juta untuk keperluan FELDA dan RM1,835 juta adalah untuk keperluan Kumpulan Felda Global. Bayaran balik kepada KWSP adalah setiap 6 bulan dari tarikh pengeluaran pembiayaan.

Pembiayaan keperluan FELDA adalah untuk membiayai Program Tanam Semula peneroka, Gedung Makanan Negara dan Projek Perumahan Warga FELDA manakala keperluan Kumpulan Felda Global adalah untuk keperluan perkembangan perniagaan dan pelaburan di dalam dan luar negara.

Kedudukan tunai FELDA pada 31 Mac 2012 adalah sebanyak RM1,799 juta manakala jumlah aset pada 31 Disember 2011 (belum diaudit) berjumlah RM19,997 juta. Sehubungan itu, FELDA mampu membiayai komitmen utama dalam melaksanakan aktiviti pembangunan ekonomi dan sosial warga peneroka.

oooooooooooooooooooo

NO. SOALAN : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL

TARIKH

[LABUAN]

11.04.2012 (RABU)

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk mengimbangi kenaikan harga barang pengguna termasuk tarif elektrik terutamanya di Wilayah Persekutuan Labuan yang menekan hidup rakyat keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang diharap dapat membantu membantu mengimbangi kenaikan harga barang pengguna. Antara langkah dan strategi yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengawal harga dan bekalan barang kawalan yang merupakan barang keperluan asas seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan juga bahan api menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961;

- (ii) mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia yang merupakan inisiatif oleh kerajaan yang diharap dapat mengawal kenaikan harga barang runcit agar pengguna yang berpendapatan rendah masih dapat membeli barang tersebut berdasarkan pada kemampuan dan keperluan mereka.
- (iii) meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya Sabah dan Sarawak supaya penduduk pedalaman dapat menikmati harga barang kawalan pada harga yang diwartakan.;
- (iv) menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barang yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (value for money);
- (v) memperkenalkan Program Menu Rakyat 1 Malaysia dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan melalui kerjasama di antara Kementerian dan pengusaha premis makanan. Program ini menawarkan pakej makanan dengan harga berpatutan bagi sarapan pagi dan makan tengahari;
- (vi) mengawal harga barang perlu semasa musim perayaan supaya harga dan bekalan barang keperluan utama seperti daging, ayam, bawang, telur dan sayur-sayuran adalah mencukupi dan ditawarkan pada harga yang telah ditetapkan;
- (vii) mengadakan sesi dialog dan perbincangan secara berkala dengan industri yang berkaitan bagi menerangkan tentang isu kenaikan harga dan meminta supaya industri tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga secara keterlaluan. Dalam masa yang sama memohon komitmen industri untuk menambahkan bekalan sekiranya perlu terutamanya pada musim perayaan;

NO. SOALAN : 54

dan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

- (viii) Kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga dengan kerjasama *hypermarket* asing dan juga tempatan yang bertujuan memastikan harga barang keperluan di pasaran dijual pada harga yang berpatutan.

Kementerian menerusi pejabat negeri juga turut mengadakan pelbagai program di Wilayah Persekutuan Labuan bagi membantu mengimbangi kenaikan harga barang keperluan pengguna. Antara program yang dijalankan adalah program Menu Rakyat

1Malaysia yang telah disertai oleh 14 premis perniagaan makanan, *Kempen Back To School* yang melibatkan penyertaan lima buah *supermarket* serta Kempen Penurunan Harga yang telah diadakan pada Jun 2011 yang lalu. Program-program ini dapat dilihat sebagai salah satu usaha Kerajaan bagi membolehkan pengguna khasnya golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan Labuan mendapatkan barang keperluan harian dengan harga yang berpatutan.

PERTANYAAN **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

DARIPADA **LISAN**

TARIKH **DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]**

11 APRIL 2012

SOALAN

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah pencapaian usaha Kerajaan untuk menghasilkan rakyat berpendapatan tinggi seperti yang diwar-warkan. Apakah dasar-dasar dan program yang telah dilaksanakan bagi mencapai hasrat tersebut.

JAWAPAN

Kerajaan adalah sentiasa komited untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 5.9% setahun bagi tempoh 1990-2010. Pendapatan per kapita negara telah meningkat hampir 5 kali ganda daripada tahun 1991 hingga 2010 iaitu RM7.430 (ASD2,702) pada tahun 1991 kepada RM26,175 (ASD8.126) pada tahun 2010, menghampiri anggaran minimum PNK per kapita bagi kategori negara maju iaitu sebanyak 12,276 dolar Amerika.

Memandangkan ekonomi dunia yang lebih mencabar dan persekitaran yang tidak menentu, Malaysia perlu berusaha dengan lebih gigih dan tidak bersepadu bagi mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju

NO. SOALAN: 30

berpendapatan tinggi menjelang 2020. Justeru, Pertumbuhan ekonomi ke arah status negara maju akan dipacu oleh Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang merangkumi program transformasi Kerajaan, transformasi ekonomi, transformasi luar bandar), dan transformasi politik.

Program - program transformasi ini akan memastikan Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi 2012 dijangka sekitar 5 hingga 6 peratus setahun agar dapat meningkatkan pendapatan per kapita negara sekitar RM54,401 (ASD17,000).

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program transformasi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, telah menghasilkan beberapa petunjuk awal sosio-ekonomi yang positif. Ia dapat dilihat melalui pencapaian pertumbuhan ekonomi pada tahun 2011 iaitu sebanyak 5.1 peratus. Defisit fiskal berjaya dikurangkan kepada 5.0 peratus kepada KDNK berbanding sasaran 5.4 peratus. Pelaburan swasta semakin meningkat kepada RM94.1 billion berbanding sasaran RM83 bilion. Malah, kemasukan pelaburan asing di Malaysia meningkat kepada RM32.9 bilion (2010: RM23.3 bilion). Kadar inflasi juga berjaya dikekalkan pada 3.2 peratus. Di samping itu, sebanyak 346,000 peluang pekerjaan telah diwujudkan dan kadar pengangguran berkurang kepada 3.1 peratus.

Bagai tahun 2012, dengan mengambilkira anggaran pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana, ekonomi Malaysia dianggar berkembang sekurang-kurangnya 5 peratus. Kadar pertumbuhan ini dijangkan terus disokong oleh pertumbuhan dalam negeri dengan jangkaan sumbangan positif daripada semua sektor ekonomi.

Kerjasama dan komitmen semua pihak serta usaha yang gigih amat penting untuk memastikan kejayaan agenda transformasi nasional ini. Kerajaan yakin seluruh rakyat Malaysia akan dapat menghayati hasrat ini dan sama-sama berganding bahu bagi menjayakan hasrat menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI
(PASIR MAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.04.2012

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan ekonomi semasa negara sehingga 28 Februari 2012 dalam semua aspek seperti pertumbuhan ekonomi negara, pendapatan perkapita, inflasi, pengangguran dan kedudukan Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing.

JAWAPAN

Ekonomi Malaysia berkembang 5.1% pada 2011 (2010: 7.2%), menepati unjuran rasmi negara iaitu antara 5% hingga 5.5%. Prestasi pertumbuhan yang menggalakkan ini didorong oleh peningkatan aktiviti dalam negeri dan permintaan serantau yang teguh, meskipun dalam persekitaran luaran yang tidak menentu. Sementara itu, pendapatan negara kasar per kapita telah meningkat daripada RM26,175 kepada 2010 kepada RM29,094 pada 2011. Pada 2012, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang dengan anggaran pertumbuhan antara 4% hingga 5% dalam suasana persekitaran luaran yang lebih mencabar terutamanya berikutan krisis hutang di kawasan euro dan masalah geopolitik di Timur Tengah.

2. Penunjuk-penunjuk ekonomi terkini mencerminkan ekonomi negara

NO SOALAN 19

berada pada landasan yang terus berkembang bagi mencapai pertumbuhan seperti yang diunjurkan. Penunjuk-penunjuk ekonomi tersebut antara lainnya adalah seperti berikut:

- I. Indeks Pelopor (IP) yang memantau prestasi ekonomi ke hadapan meningkat kepada 111.4 mata pada Januari 2012 berbanding 111.2 mata yang dicatatkan pada Disember 2012. Ini menunjukkan prestasi ekonomi akan terus berkembang dalam jangka masa terdekat;
- II. Jumlah perdagangan Malaysia bagi Februari 2012 berbanding tempoh yang sama pada 2011, meningkat 16.1% kepada RM103.15 bilion. Eksport meningkat sebanyak 14.5% kepada RM56.87 bilion, manakala import sebanyak 18% kepada RM46.29 bilion
- III. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) sehingga akhir Februari 2012 berjumlah RM426.7 bilion atau bersamaan dengan USD134.7 bilion. Kedudukan rizab ini telah meningkat lagi kepada RM427 bilion atau bersamaan dengan USD134.8 bilion pada 15 Mac 2012. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan adalah 4.7 kali hutang luar negeri jangka pendek;
- IV. Harga komoditi kekal kukuh pada Februari 2012 dengan minyak mentah Tapis mencatatkan purata U5D127.71 setong, minyak sawit sebanyak RM3,146 setan metrik manakala getah sebanyak RM11.15 sekilogram. Harga komoditi terus meningkat dengan minyak mentah Tapis mencatatkan USD133.63 setong pada 3 April 2012, manakala minyak sawit sebanyak RM3,499 setan metrik dan getah sebanyak RM11.34 sekilogram;
- V. Kadar pertukaran Ringgit berbanding USD berada pada paras RM3.000 pada akhir Februari 2012 dan telah menyusut sedikit kepada RM3.0480 pada 3 April 2012;
- VI. Pasaran saham terus menunjukkan prestasi yang

memberangsangkan. Indeks FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) mencatat 1,569.65 mata pada akhir Februari 2012 dan mencatat paras yang lebih tinggi iaitu 1,606.63 mata pada 3 April 2012, melepassi paras tertinggi tahun 2011, iaitu 1,594.74 mata;

- VII. Inflasi meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.2% pada Februari 2012 berbandingkan 2.7% pada Januari 2012. Kadar inflasi ini menunjukkan trend menurun berbanding 3.2% yang dicatatkan bagi keseluruhan 2011; dan
- VIII. Kadar pengangguran kekal stabil pada 3.0% bagi Januari **2012.**

Tuan Yang di-Pertua,

3. Momentum pertumbuhan ekonomi negara dijangka bertambah kukuh dalam tempoh separuh kedua tahun ini disokong oleh persekitaran luaran yang semakin baik serta pelaksanaan pantas Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Program-program transformasi ini akan membantu menambah baik sistem penyampaian Kerajaan, meningkatkan daya saing negara, merancakkan aktiviti ekonomi domestik dan seterusnya memelihara kesejahteraan rakyat. Selain itu, Kerajaan sentiasa memantau perkembangan luaran dan dalaman serta mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berkembang kukuh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

[PUTATAN]

TARIKH 11 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

SOALAN NOdSr-

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI

menyatakan :

(a) Bilakah khidmat teksi yang menggunakan gas cecair asli 'Natural Gas Vehicle' (NGV) akan dipanjangkan di negeri Sabah; dan

(b) tindakan yang telah diambil ke atas pemandu/pemilik teksi yang tidak menggunakan (atau enggan menggunakan) meter.

SOALAN NO.19

JAWAPAN: **YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khidmat teksi yang menggunakan gas cecair asli ‘Natural Gas Vehicle’ (NGV) belum dapat dilaksanakan di negeri Sabah dan jangkaan masa sebenar pelaksanaannya bergantung pada Petronas atau syarikat minyak yang berkaitan. LPKP Sabah di bawah Jabatan Perdana Menteri tidak dapat menentukan jangkaan masa tersebut.

Pada masa ini hanya terdapat 2814 buah teksi sahaja di seluruh Sabah dan ini menjadikan keadaan tidak ekonomi untuk menyediakan perkhidmatan NGV dan muka bumi Negeri Sabah yang berbukit bukau juga menghadkan kadar penggunaan NGV yang tidak kompeten untuk keadaan geografi

fizikal tersebut.

SOALAN NO.19

Walaubagaimanapun sebagai sebuah kerajaan yang prihatin pada masalah tersebut, Kerajaan melalui LPKP Sabah telah menetapkan Had Kadar Tambang Teksi Sabah sebagai kadar tambang yang tertinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung dengan kadar RM 10 bagi 3 km pertama dan RM 1.20 setiap km berikutnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Saya berpandangan pada masa ini dengan pemberian had kadar tambang yang tinggi dan perluasan Kawasan Operasi ke Kawasan Kawasan Peranginan Seluruh Sabah adalah memadai buat Teksi - Teksi Seluruh Sabah bagi mengatasi masalah ketiadaan NGV.

Sekian, terima kasih.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan yang diambil ke atas pemandu/pemilik teksi yang tidak menggunakan (atau enggan menggunakan) meter di negeri Sabah hanya terhad kepada Bandaraya Kota Kinabalu.

Pada masa ini pelaksanaan Meter Teksi di Bandar-bandar lain

SOALAN NO.19

di Sabah masih ditangguhkan oleh Lembaga LPKP Sabah semenjak tahun 2010 atas sebab-sebab tertentu.

Tindakan yang boleh diambil pada pemandu teksi yang enggan menggunakan meter adalah Kompaun RM 300 dan bagi kesalahan berulang sebanyak 3 kali akan dibawa untuk pertimbangan Mesyuarat Lembaga LPKP Sabah bagi tujuan pembatalan atau penggantungan lesen.

Berdasarkan kekangan bilangan anggota penguatkuasa , Pihak LPKP Sabah bergantung penuh pada aduan yang dikemukakan melalui Talian Hotline LPKP Sabah 1800-88-4266, SMS ke 088231024 LPKP ADUAN (ADUAN ANDA) atau Emel kepada aduan@lpkpsbh.gov.my dengan maklumat yang lengkap mengandungi tarikh,masa dan tempat kejadian serta Nombor Kenderaan yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 58

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]
TARIKH	11 APRIL 2012 (RABU)
SOALAN	Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan syarat-syarat pinjaman mudah (soft loan) kepada syarikat NFC untuk berbelanja membangunkan Pusat Fidlot Negara atau sebarang pembelian yang dibenarkan berhubung projek ini.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pusat Fidlot Nasional (PFN) adalah projek penternakan lembu fidlot yang dijalankan di Gemas, Negeri Sembilan dengan matlamat untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan dalam negara manakala National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) adalah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan sebagai integrator projek di PFN.

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat menyentuh perkara yang masih dalam tindakan mahkamah (Kerajaan Malaysia lawan Datuk Mohamad Salleh bin Ismail no kes: 62-173-03-2012 dan 62-174-03-2012), ulasan tidak dapat

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

diberikan kerana dikhuatiri akan menimbulkan subjudis terhadap siasatan.

Soalan No :

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID (PENGERANG)**

TARIKH

11.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG]
minta Menteri Pelajaran menyatakan bolehkah pihak Kementerian mengkaji semula berkenaan isu kenaikan pangkat golongan para guru agar guru-guru yang bertugas di kawasan yang terlibat dengan kekosongan dapat dipertimbangkan untuk mengisi jawatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai penjawat awam, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) juga adalah tertakluk kepada peraturan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan kepada semua skim di dalam perkhidmatan awam melalui pekeliling dari semasa ke semasa. Urusan kenaikan pangkat PPP dan kaedah pelaksanaannya di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 tahun 2007.

Bagi pengisian jawatan kenaikan pangkat, hanya calon-calon yang telah diluluskan pemangkuhan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) atau calon-calon yang telah berada di atas gred yang setara boleh mengisi jawatan tersebut. Cadangan pengisian akan dikemukakan oleh Ketua Jabatan iaitu Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri kepada Ketua

Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) selaku Ketua Perkhidmatan untuk pertimbangan dan kelulusan. Pengisian jawatan yang dibuat adalah berdasarkan ~~Keputusan Menteri Jawatankuasa Penempatan/Pertukaran di peringkat negeri masing-masing dengan menggunakan senarai calon yang layak sahaja. Dalam hal ini, guru-guru yang bertugas di kawasan yang terlibat dengan kekosongan turut dipertimbangkan oleh jawatankuasa tersebut~~

Rjm 108

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

[JERAI]

TARIKH 11 APRIL 2012

RUJUKAN 4557

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status program pemutihan pendatang asing tanpa izin yang dilancarkan tahun lalu dan sehingga kini berapakah jumlah yang berada secara sah dan yang telah diusir keluar dari negara ini.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pada masa ini, Kerajaan sedang melaksanakan Proses Pemutihan yang mana ianya bertujuan untuk membolehkan PATI yang telah berdaftar untuk bekerja dalam sektor-sektor ekonomi yang dibenarkan. Sehingga 19 Mac 2012, seramai 311,809 PATI telah terlibat dalam Proses Pemutihan dan mereka diklasifikasikan sebagai PATI yang telah berada secara sah di dalam negara. Bagi majikan pula, sehingga 19 Mac 2012, sebanyak 37,752 majikan telah terlibat dalam Proses Pemutihan ini.

Berhubung dengan jumlah PATI yang telah diusir di bawah Program 6P, Kementerian ini tidak dapat memberikan jumlah tersebut memandangkan Proses Pengusiran merupakan proses terakhir di bawah Program 6P yang mana ianya hanya akan dilaksanakan selepas Proses Pemutihan selesai dijalankan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI

MOHAMED SAID (KUALA KRAU)

TARIKH

SOALAN

11 APRIL 2012

61

Minta Menteri Kemajuan

Luar Bandar dan

Wilayah

menyatakan jumlah projek pertanian komersial di bawah Program Kemajuan Luar Bandar (KELB) yang telah berjaya mencapai sasaran seluruh Negara dan di negeri Pahang khususnya.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 52 projek pertanian komersial telah dilaksana oleh Kementerian dan agensi di seluruh negara sejak tahun 2006. Keseluruhan peruntukan bagi membiayai projek-projek tersebut adalah sebanyak RM24.14 juta. Projek-projek yang dilaksana adalah projek pertanian iaitu tanaman herba, buah-buahan, penternakan lembu, biri-biri, ayam pedaging, akuakultur dan burung walit.

Prestasi projek sehingga 31 Disember 2011 menunjukkan 63.5% (33 projek) telah mengeluarkan hasil, 9.6% (5 projek) baru mula dan 26.9% (14 projek) ditamatkan. Perolehan tahun 2011 sebanyak RM1.53 juta daripada 33 projek telah memberi pendapatan tambahan tahunan sebanyak RM500 ke RM 1,000.00 bagi setiap peserta projek.

Untuk makluman Yang Berhormat, di negeri Pahang dua projek pertanian komersial telah dilaksanakan iaitu ternakan kancil dan

pelandok di Kg. Kuala Medang, Kuala Lipis dengan peruntukan sebanyak RM196 ribu dan penternakan lembu di FELCRA Berhad Sri Makmur dengan peruntukan sebanyak RM1.12 juta. Projek penternakan kancil dan pelanduk melibatkan seramai 10 orang peserta dan ternakan lembu melibatkan 263 orang peserta. Kedua-dua projek ini masih diawal pelaksanaan dan belum memberi pulangan hasil kepada peserta.

iw. z&xiooJ;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
TARIKH	[DUNGUN]
RUJUKAN	11 APRIL 2012
	4558

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan terkini anggota polis pelbagai pangkat dan nyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan anggota polis ini bagi menangani cabaran semasa untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara.**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekuatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga kini berjumlah 109,969 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 11,076 orang adalah pegawai kanan polis dan 98,893 orang adalah Anggota Rendah Polis dan Konstabel.

Pada 16 Februari 2012, Kerajaan telah meluluskan tambahan sebanyak 4,000 perjawatan baru kepada PDRM yang menjadikan jumlah keseluruhan ialah 115,774 perjawatan dimana 95% telah diisi. Ini adalah selaras dengan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pasukan dengan menerapkan elemen '*omnipresence*'¹ bagi mengurangkan kadar jenayah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN (J&f)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 11 APRIL 2012 (RABU)

DARIPADA Y.B. TUAN DING KUONG HUNG
[SARIKEI]

SOALAN

Y.B. TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan persekutuan kepada Majlis Daerah Meradong dan Julau (MDMJ) serta Majlis Daerah Sarikei (MDS) dari tahun 2008 hingga 2011. Nyatakan juga aktiviti/program yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan persekutuan yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada pihak Majlis Daerah Meradong dan Julau dan Majlis Daerah Sarikei dari tempoh 2008 hingga 2011 adalah sebanyak RM21,747,041.40. Daripada jumlah tersebut, RM3,838,794.40 adalah peruntukan belanja mengurus manakala RM17,908,247 adalah peruntukan pembangunan.

Peruntukan di bawah belanja mengurus telah disalur dalam bentuk Sumbangan Membantu Kadar (SMK) yang berjumlah RM 822,082.20 dan Geran Tahunan sebanyak RM 3,016,712.20 bagi tempoh 2008 hingga 2011.

Sebanyak 145 projek pembangunan kecil telah dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan, di mana sejumlah 61 projek

dilaksanakan di Majlis Daerah Meradong dan Julau dengan jumlah peruntukan RM 8,638,341 manakala sebanyak 84 projek telah dilaksanakan di Majlis Daerah Sarikei dengan peruntukan berjumlah 9,269,906.

Majlis Daerah Meradong dan Julau dan Majlis Daerah Sarikei juga turut menerima peruntukan bagi melaksanakan Program Local Agenda 21 (LA21) sepanjang tempoh 2008 hingga 2011 masing-masing sebanyak RM59,500.00 dan RM47,500.00.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

SOALAN NO: 62

Uj

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA YB. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH RABU, 11 APRIL 2012
RUJUKAN 17 [PR- LISAN 1251-L48650]

SOALAN

**Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan mengapa Pasar Besar Wilayah Persekutuan Labuan telah menghentikan kerja-kerja pembinaan dan bila boleh pasar tersebut disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Kinabalu, kerja- kerja menyiapkan projek pembinaan sebuah Pasar Baru di atas Lot 8002 dan 8008, Jalan Bunga Tanjung, Ujong Pasir di Wilayah Persekutuan Labuan telah dimulakan pada 16 Ogos 2010. Kerja- kerja awal telah dilaksanakan mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan.

Namun begitu, kontraktor utama yang dilantik telah menghadapi masalah di tapak kerana Perunding Sivil & Struktur (C&S) yang dilantik sebelum ini telah menarik diri di atas masalah kesihatan. Bagi mengatasi masalah ini, pelantikan perunding yang baru telah dibuat pada 23 Ogos 2011.

Selain itu, terdapat masalah teknikal yang telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanakan projek. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat diselesaikan oleh perunding baru dan pihak kontraktor telah diberi lanjutan masa yang sesuai. Tarikh siap kerja yang baru selepas penyelarasan adalah pada 17 Ogos 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kemajuan kerja di tapak sehingga 8 Februari 2012 ialah sebanyak 11.30% berbanding dengan yang dijadualkan sebanyak 9.64% iaitu mendahului 1.66%.

Memandangkan masalah yang dihadapi dan prestasi projek yang rendah seperti yang dinyatakan telah memberi kesan kepada prestasi perbelanjaan RMKe-10 bagi Kementerian ini, maka pendekatan secara *intervensi* bagi

menyelesaikan masalah yang timbul dan pemantauan yang berterusan bagi mengelakkan kelewatan telah dan sedang dilakukan oleh pihak Kementerian.

Kaedah lawatan **tapak atau turun padang** digunakan sebagai satu langkah intervensi bagi meningkatkan prestasi fizikal sebenar projek. Selain daripada ini, sesi **perbincangan di tapak** dengan semua pihak yang terlibat dengan projek seperti konsultan, kontraktor dan para pegawai Perbadanan Labuan dan agensi pusat juga dijalankan bagi mengambil tindakan penyelesaian yang segera dan praktikal.

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **YB TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN**

ONN

TARIKH **11 APRIL 2012**

SOALAN:

YB Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik untuk komposisi kakitangan awam Kerajaan mengikut kategori pendapatan iaitu mereka yang di bawah RM1.500 sebulan, RM3,000 sebulan, RM6.000 sebulan dan jumlah kakitangan yang dapat lebih dari RM6.000 sebulan.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Komposisi kakitangan awam Kerajaan mengikut kategori pendapatan di bawah RM1,500 sebulan, RM1.501 - RM3.000 sebulan, RM3.001 - RM6.000 sebulan dan jumlah kakitangan yang mendapat lebih dari RM6.000 sebulan adalah seperti berikut:

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

JULAT GAJI	BILANGAN
Bawah RM 1,500 sebulan	286,456 orang
RM1.501 - RM3,000 sebulan	447,412 orang
RM3,001 - RM6,000 sebulan	148,883 orang
Melebihi RM6,000 sebulan	13,501 orang

Namun demikian, bilangan ini hanya meliputi gaji pokok sahaja tidak termasuk Imbuhan Tetap bulanan yang diterima oleh semua penjawat awam dan tidak termasuk ATM dan PDRM. Bagi memastikan semua penjawat awam berada di atas paras kemiskinan, semua penjawat awam menerima Imbuhan Tetap Bulanan contohnya Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Keraian, Imbuhan Tetap Perumahan dan Bantuan Sara Hidup bagi menampung kos sara hidup yang meningkat. Selain itu, selaras dengan Sistem Saraan Malaysia yang ditambahbaik ini, semua penjawat awam turut menerima kenaikan gaji sebanyak 7 - 13% dan kenaikan COLA sebanyak RM50 bagi Kawasan B dan Kawasan Lain.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

BERTULIS

DATO' DR. HAJI MOHD
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG)

SOALAN NO: 27

11 April 2012

PERTANYAAN Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
DARIPADA menyatakan berapakah jumlah sara diri daging tempatan dan
TARIKH apakah usaha untuk menjamin kecukupan daging negara

SOALAN

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tahap sara diri bagi daging lembu bagi tahun 2011 adalah sebanyak 27.82%, kambing 11.67%, ayam 139.5% dan babi 100.95%. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dan akan diteruskan oleh kerajaan bagi menggalakkan pelaburan dalam industri ternakan agar dapat menjamin kecukupan bekalan daging dalam negara. Antara usaha yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) adalah:

- (i) pelaksanaan skim TRUST (Transformasi Usahawan Ternak);
- (ii) program pengukuhan perkhidmatan industri lembu, kerbau dan kambing; dan
- (iii) program pengeluaran sumber makanan ternakan ruminan seperti:
 - (a) Pembangunan homeplot; dan
 - (b) Penggunaan sisa pertanian seperti silage jagung dan hampas nanas.

DVS turut memberikan bantuan-bantuan yang bertujuan membantu:

- i. meningkatkan kapasiti pengeluaran;
- ii. meningkatkan keupayaan dan kecekapan pengeluaran;
- iii. meningkatkan kualiti hasilan; dan
- iv. meningkatkan kesediaan sumber makanan kepada ternakan.

Selain dari bantuan-bantuan tersebut, program pembangunan sumber manusia juga dijalankan secara berterusan bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan dan kepakaran supaya penternak agar menjadi lebih berdaya saing.

NO SOALAN :
67

PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT

LISAN
DATO⁵ SERI ONG KA CHUAN

DARIPADA
TARIKH

11 APRIL 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) Rasional di sebalik hasrat Kerajaan untuk membuat penyenaraian awam FELDA Global Ventures dan apakah faedah yang akan dinikmati oleh peneroka FELDA; dan
- b) Apakah rancangan FELDA Global Ventures selepas penyenaraian awam dan apakah bidang perniagaan yang akan diberi tumpuan untuk memastikan syarikat yang bakal disenaraikan itu dapat terus menjana pendapatan lumayan kepada semua pemegang sahamnya.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif bagi penglibatan Kerajaan di dalam perniagaan sektor swasta ini adalah bertujuan untuk mencari peluang untuk menambah baik kecairan pasaran modal dan mengelakkan keadaan anti-persaingan di dalam sektor swasta.

Dengan penyenaraian ini juga, FGVH dapat meningkatkan prestasi dan mengembangkan perniagaannya di peringkat global.

Peneroka FELDA pada masa akan datang berpeluang untuk berkongsi hasil keuntungan ladang yang diuruskan oleh Felda Global Ventures Holdings (FGVH) sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Selepas penyenaraian, FGVH akan terus mengembangkan perniagaannya di dalam industri hulu dan hiliran yang berasaskan pertanian untuk muncul sebagai sebuah organisasi perniagaan multinasional yang berjaya.

oooooooooooooooooooo

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA,

PARLIMEN KEDUA BELAS **(2012)** _____

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA YB DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN
 MD. TAIB [BALING]
TARIKH : 11 APRIL [RABU]

SOALAN

Dato' Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha JAKIM untuk menangani isu golongan Muslim yang memohon bantuan kepada NGO bukan Islam. Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi menanganinya.

JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada halangan sekiranya ada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO's) bukan Islam memberikan bantuan kepada orang Islam yang memerlukan disebabkan negara ini terdiri dari berbilang bangsa dan agama. Maka, perlu wujud persefahaman tanpa mengira agama, bangsa dan budaya atas prinsip perpaduan.

Kerajaan melalui agensi-agensi agama Islam seperti Majlis-Majlis Agama Islam Negeri telah memainkan peranan aktif memberikan bantuan kepada

orang Islam yang memerlukan bantuan melalui skim asnaf zakat dan agihan sumber am Baitul Mai.

Selain itu, Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya memenuhi keperluan orang Islam melalui pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), antaranya bantuan dan program kepada golongan sasar seperti saudara muslim, masyarakat orang asli, orang kelainan upaya (OKU), warga emas, pelajar IPT, golongan gelandangan dan lain-lain.

Bagi mendokong usaha perpaduan juga, bantuan bencana alam melalui program dakwah bil hal Jakim dan MAIN telah diberikan kepada mangsa tanpa mengira bangsa dan agama.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

69

PERTANYAAN: LISAN DARIPADA: Y.B.

PUAN TEO NIE CHING

TARIKH: 11 APRIL 2012

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan (serta peratusan) pekerja kilang-kilang di Malaysia yang merupakan pekerja terus (direct employee) syarikat tuan punya kilang tersebut, dan apakah bilangan (serta peratusan) pekerja yang bekerja di kilang tersebut yang merupakan pekerja yang dibekalkan oleh entiti luar ataupun pekerja kontrak.

PR-1251-L48946

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja telah merekodkan sebanyak 690,773 majikan berdaftar pada tahun 2011 melalui Sistem *Labour Market Database (LMD)*. Dari jumlah tersebut, sebanyak 83,543 (12.15%) adalah majikan di sektor pembuatan atau perkilangan.

2. Bilangan pekerja pula, statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan pada tahun 2010, sebanyak 11,129,400 penduduk Malaysia adalah pekerja. Daripada jumlah ini, 1,879,700 atau 16.9% daripadanya adalah pekerja di sektor pembuatan yang merangkumi pekerja perkilangan.

3. Kementerian Sumber Manusia setiap 2 tahun sekali melakukan kajian Guna Tenaga Kebangsaan bagi mendapatkan maklumat mengenai aktiviti perburuhan negara. Berdasarkan kajian Guna Tenaga Kebangsaan tahun 2009 berkaitan pengambilan kerja secara terus oleh majikan mendapati sebanyak 182,513 (78.5%) majikan mengambil pekerja secara terus (***direct employee***) iaitu melibatkan 2,129,002 pekerja tempatan dan 494,987 pekerja asing.

2. Melalui kajian yang sama juga mendapati pengambilan pekerja oleh majikan di sektor perkilangan melalui cara penyumberluaran (***outsourcing***) mendapati sebanyak 7,907 (3.4%) majikan menggaji pekerja melalui penyumberluaran (*outsourcing*). Pekerja yang diambil melalui penyumberluaran ini melibatkan lebih ramai pekerja asing berbanding pekerja tempatan. Seramai 84,813 orang pekerja asing telah diambil secara *outsourcing* dan seramai 62,651 pekerja tempatan diambil secara *outsourcing*. Maklumat lengkap adalah seperti berikut:

Jadual 1: Bilangan Institusi mengikut Kaedah Penggajian, 2009

KAEDAH PENGGAJIAN	BIL. INSTITUSI	PERATUS %	BILANGAN PEKERJA TEMPATAN YANG DIAMBIL	BILANGAN PEKERJA ASING YANG DIAMBIL	NISBAH PEKERJA ASING KEPADA PEKERJA
Penyumber-luaran	7,907	3.4	62,651	84,813	1.4
Pekerja sambilan	10,989	4.7	65,399	5,050	0.1
Pengambilan langsung	182,513	78.5	2,129,002	494,987	0.2
Tidak dinyatakan	31,028	13.4	-	-	-
Jumlah bil. institusi	232,437	100	-	-	-

Sumber: Laporan Penyata Guna Tenaga Kebangsaan Malaysia

NO SOALAN :
70

PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT LISAN
 DATO' SERI ONG KA CHUAN

DARIPADA
TARIKH **11 APRIL 2012**

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) Rasional di sebalik hasrat Kerajaan untuk membuat penyenaraian awam FELDA Global Ventures dan apakah faedah yang akan dinikmati oleh peneroka FELDA; dan
- b) Apakah rancangan FELDA Global Ventures selepas penyenaraian awam dan apakah bidang perniagaan yang akan diberi tumpuan untuk memastikan syarikat yang bakal disenaraikan itu dapat terus menjana pendapatan lumayan kepada semua pemegang sahamnya.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif bagi penglihatan Kerajaan di dalam perniagaan sektor swasta ini adalah bertujuan untuk mencari peluang untuk menambah baik kecairan pasaran modal dan mengelakkan keadaan anti-persaingan di dalam sektor swasta.

Dengan penyenaraian ini juga, FGVH dapat meningkatkan prestasi dan mengembangkan perniagaannya di peringkat global.

Peneroka FELDA pada masa akan datang berpeluang untuk berkongsi hasil keuntungan ladang yang diuruskan oleh Felda Global Ventures Holdings (FGVH) sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Selepas penyenaraianya, FGVH akan terus mengembangkan perniagaannya di dalam industri hulu dan hiliran yang berasaskan pertanian untuk muncul sebagai sebuah organisasi perniagaan multinasional yang berjaya.

oooooooooooo

DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN]

**TARikh PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
RUJUKAN 11 APRIL 2012**

PERTANYAAN LISAN 4559

SOALAN :

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan agar pengguna jalan raya tidak dibebani dengan pelbagai kesukaran semasa pihak polis mengadakan sekatan jalan raya. Adakah pihak polis membuat sebarang tinjauan atau pemantauan mengenai kesesuaian dan keperluan sebelum melakukan sebarang operasi sekatan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Seksyen 26 Akta Polis 1967 dan Seksyen 78 Akta Pengangkutan Jalan , (APJ) 1987 telah memberi kuasa kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk mengadakan sekatan jalan raya. Operasi sekatan jalan raya ini secara umumnya dibuat berdasarkan kepada tiga (3) keadaan iaitu bagi tujuan menjaga ketenteraman awam, pencegahan jenayah dan mengumpul maklumat risikan keselamatan. Operasi sekatan jalan raya yang dijalankan oleh pihak polis bukanlah untuk memberi kesulitan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Tujuan pihak polis mengadakan sekatan jalan raya adalah seperti berikut:-

1) Penguatkuasaan

- Penguatkuasaan diperlukan bagi mencegah dan mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu yang melanggar peraturan atau undang-undang lalulintas seperti memandu melebihi had laju, memotong barisan, memandu di lorong kecemasan dan memandu secara merbahaya. Tindakan ini juga untuk mendidik orang awam supaya lebih berhemah semasa memandu di jalan raya;
- Kehadiran polis di jalan raya adalah amat diperlukan terutamanya

2) *Omnipresence*

untuk tujuan *fear of crime* (dengan izin). Dengan kehadiran polis pengguna-pengguna jalan raya akan merasa selamat dan selesa semasa memandu kerana keselamatan mereka terjamin. Selain itu, kehadiran polis ini juga akan menimbulkan satu persepsi kepada pemandu-pemandu yang tidak berhemah bahawa mereka sentiasa diperhatikan. Dengan itu, mereka akan memandu mengikut peraturan-peraturan lalulintas seperti yang ditetapkan undang-undang; dan

3) Mengesan penjenayah

- Jalan-jalan persekutuan dan lebuhraya kerapkali digunakan oleh penjenayah untuk meloloskan diri selepas melakukan jenayah. Hasil daripada operasi sekatan jalan raya yang dilaksanakan ini, beberapa kejayaan telah dapat dicapai dalam mengesan kenderaan curi, kes dadah dan penyeludupan manusia.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan melalui sekatan jalan raya, Cawangan Trafik PDRM mempunyai garis panduan seperti berikut:-

- 1) Seksyen 26 Akta Polis 1967;**
- 2) Seksyen 78 Akta Pengangkutan Jalan 1987;**
- 3) Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN); dan**
- 4) Arahan Ketua Trafik Pasukan No. 26.**

Sehubungan dengan itu, penguatkuasaan di jalan raya perlu dijalankan dari semasa ke semasa. Tindakan ini bukanlah untuk memberi kesukaran kepada pengguna jalan raya tetapi bagi memastikan setiap pemandu mempunyai lesen memandu dan dokumen berkaitan yang sah serta mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, jika berlaku kesesakan semasa operasi dijalankan pihak polis akan mengambil tindakan sewajarnya sama ada membuat kawalan lalulintas sehingga keadaan pulih seperti sediakala atau pun menutup operasi.